

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ◆

**JUDUL : PERSEPSI GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DI JOHOR BAHRU  
TERHADAP PELAKSANAAN HEADCOUNT DALAM PENGURUSAN  
AKADEMIK PELAJAR**

**SESI PENGAJIAN : 2007/2008**

Saya **CHONG PENG HWA**  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan ( √ )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat tetap:

**05-10, BLK B JLN NAGA,  
TMN HARMONI 1,  
81300 SKUDAI**

Tarikh : \_\_\_\_\_

(TANDATANGAN PENYELIA)

**ENCIK HASSAN BIN HUSHIN**  
NAMA PENYELIA

Tarikh : \_\_\_\_\_

Catatan : \* Potong yang tidak berkenaan

\*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop kualiti untuk tujuan Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan & Pentadbiran)”.

Tandatangan : .....

Nama Penyelia : **ENCIK HASSAN BIN HUSHIN**

Tarikh : .....

**PERSEPSI GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DI JOHOR BAHRU  
TERHADAP PELAKSANAAN PROGRAM *HEADCOUNT* DALAM  
PENGURUSAN AKADEMIK PELAJAR**

**CHONG PENG HWA**

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Sarjana Pendidikan (Pengurusan & Pentadbiran)**

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**November 2007**

Saya akui laporan projek ini adalah hasil penyelidikan saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Penyelidik : **CHONG PENG HWA**

Tarikh : **NOVEMBER 2007**

## **DEDIKASI**

Kepada semua ahli keluarga yang dikasihi

## **PENGHARGAAN**

Dalam menyediakan penyelidikan ini, saya telah berhubung dengan ramai orang, guru-guru, pihak sekolah dan pihak yang terlibat. Mereka telah memberi banyak idea dan cadangan untuk saya. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Hassan bin Hushin selaku penyelia yang telah membantu, mendorong dan memberi tunjuk ajar serta nasihat sehingga saya berjaya menghasilkan laporan projek saya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang sudi meluangkan masa mereka dalam memberi pandangan dan cadangan untuk membaiki kelemahan dalam penyelidikan ini. Selain itu, kerjasama yang sepenuh daripada Guru Besar, Guru Penolong Kanan, Guru-guru dan ibu bapa yang terlibat amat saya hargai.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang mendorong secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penyelidikan.

## ABSTRAK

*Headcount* merupakan suatu program baru dalam pengurusan data markah murid untuk mengenal pasti pencapaian akademik setiap murid. Program ini telah menjadi popular di sekolah rendah dan sekolah menengah di Johor. Penyelidikan ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru-guru di sekolah rendah terhadap pelaksanaan *Headcount*. Penyelidikan ini melibatkan responden seramai 100 orang guru dari sekolah rendah. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang mana ia mengandungi 32 item. Nilai kebolehpercayaan (*alpha Cronbach*) bagi kajian ini adalah 0.92. Objektif penyelidikan ini adalah mengenalpasti persepsi guru terhadap pelaksanaan *Headcount*, pihak pengurusan, ibu bapa dan murid. Data yang diperolehi telah dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian “*Statistical Package for Social Science*” (*SPSS*) for Window Version 10. Analisis kajian dinyatakan dalam bentuk kekerapan, peratus dan min. Selain itu, kajian kumpulan fokus, temubual dan analisis dokumen juga digunakan sebagai kaedah untuk mendapat maklumat sokongan. Hasil kajian mendapati guru-guru menyokong pelaksanaan *Headcount*, pihak pengurusan dapat memperolehi maklumat pencapaian murid, tahap kefahaman ibu bapa adalah lemah terhadap *Headcount* dan murid kurang menghayati fungsi *Headcount*. Berdasarkan dapatan kajian ini beberapa cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan kualiti pengurusan akademik murid.

## **ABSTRACT**

Headcount is a new programme to manage pupils' mark for understanding each pupil academic performance. This programme is popular in primary and secondary school in Johor. This study was conducted to survey the perception of teachers about the implementation of Headcount in a primary school. This study involves 100 teachers from that school. Survey was used as the instrument which consist of 32 items. The reliability index (alpha Cronbach) of this instrument was 0.92. The objective of the study was to identify the teachers' perception toward the implementation of Headcount, school administrator, parent and pupils. Data were collected and analyzed using the "Statistical Package for Social Science" (SPSS) for Windows Version 10. The analysis was stated in the form of frequency, percentage and mean. In addition, focus group interview, interview and document analysis were conducted to get supporting information. The findings of the study showed that teachers support the implementation of Headcount, school administrator can get student performance information, parents' least understanding toward the implementation of Headcount low and pupils appreciation toward the function of Headcount was low. Based on the findings of this study, several recommendations were forwarded to upgrade the quality of student academic management.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
 <b>I</b>	 <b>PENGENALAN</b>	 <b>1</b>
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latarbelakang Masalah	2
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Objektif Kajian	4
	1.4 Persoalan Kajian	4

	1.5	Kepentingan Kajian	5
	1.6	Batasan Kajian	5
	1.7	Definisi Kajian	6
<b>II</b>		<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>9</b>
	2.0	Pengenalan	9
	2.1	Pengurusan Sekolah	9
	2.2	Matlamat Operasional Sekolah	10
	2.3	Peranan Guru	11
	2.4	Penilaian Pelajar	11
	2.5	Kesediaan Murid	13
	2.6	Pelaksanaan Program <i>Headcount</i>	14
	2.7	Sokongan Pembelajaran	18
	2.8	Peranan Ibu Bapa dengan Sekolah	18
<b>III</b>		<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>20</b>
	3.1	Pengenalan	20
	3.2	Rekabentuk Kajian	20
	3.3	Tempat Kajian	21
		3.3.1 Latarbelakang sekolah kajian	21
	3.4	Sampel Kajian	23
	3.5	Instrumen Kajian	
		3.5.1 Soal Selidik Kumpulan Fokus	23

	3.5.2 Soal Selidik	24
	3.5.3 Temubual	25
	3.5.4 Analisis Dokumen	25
3.6	Kajian Rintis	25
	3.6.1 Kesahan Instrumen	26
3.7	Prosedur Kajian	26
3.8	Analisis Data	27
3.9	Kesimpulan	28
<b>IV</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>29</b>
4.0	Pengenalan	29
4.1	Analisis Kumpulan Fokus	30
4.2	Analisis Latarbelakang Responden	33
4.3	Analisis Persoalan Kajian	37
	4.3.1 Analisis Persoalan Kajian 1	38
	4.3.2 Analisis Persoalan Kajian 2	40
	4.3.3 Analisis Persoalan Kajian 3	41
	4.3.4 Analisis Persoalan Kajian 4	43
4.4	Analisis Dokumen	44
4.5	Analisis Temubual	46
	4.5.1 Transkrip Sesi Temubual Dengan Guru Penolong Kanan, Guru Panitia Dan Wakil Ibubapa	46

4.5.2	Analisis Data Temubual	54
-------	------------------------	----

**V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN 57**

5.0	Pengenalan	57
5.1	Rumusan	57
5.2	Perbincangan	57
5.2.1	Analisis Kumpulan Fokus	59
5.2.2	Latarbelakang Responden	60
5.2.3	Persepsi Guru Terhadap Faedah Pelaksanaan Headcpunt	61
5.2.4	Persepsi Guru Terhadap Faedah Pelaksanaan <i>Headcount</i> bagi pihak Pentadbir	61
5.2.5	Persepsi Guru Terhadap Faedah <i>Headcount</i> kepada Pelajar	62
5.2.6	Persepsi Guru Tentang Pelaksanaan <i>Headcount</i> Terhadap Ibubapa	63
5.2.7	Analisis Dokumen	63
5.3	Cadangan atau Implikasi Kajian	63
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	65
5.5	Penutup	66

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1	Analisis Kelulusan Mata Pelajaran	22
3.2	Skala Maklum Balas dan Skor	24
3.3	Skala Tiga Mata dan Skor	28
3.4	Pengkelasan Skor Min dan Status	28
4.1	Taburan soalan mengikut persoalan kajian	30
4.2	Analisis Kumpulan Fokus	30
4.3	Taburan Responden Mengikut Jantina	33
4.4	Taburan Responden Mengikut Umur	33
4.5	Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan	34
4.6	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	34
4.7	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	35
4.8	Taburan Responden Mengikut Bilangan Bidang Mengajar	35
4.9	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Ikhtisas	36

4.10	Pengkelasan Skor Min dan Status	37
4.11	Taburan Responden Terhadap Faedah Pada Diri	38
4.12	Taburan Responden Terhadap Pihak Pengurusan	40
4.13	Taburan Responden Terhadap Pelajar	41
4.14	Taburan Responden Terhadap Ibumama	43
4.15	Pencapaian Kelulusan Murid Tahun Enam	44
4.16	Hasil Dapatan Temubual	54

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Model Penilaian Formatif	12
2.2	Model Penilaian Sumatif	13
4.1	Pencapaian Kelulusan Tahun 6	45

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO. LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Garis Panduan Temubual Kumpulan Fokus	69
B	Soal Selidik Kumpulan Fokus	71
C	Soal Selidik Kajian	73
D	Surat Kelulusan Dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	76

**SENARAI SINGKATAN**

UPSR	: Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
TOV	: Take Off Value
ETR	: Expected Target Result
SPSS	: Stastical Package For Social Science
ICT	: Information Communications Technology

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Sekolah sebagai sebuah organisasi pembelajaran yang penting dalam proses pembinaan keperibadian insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Guru pula memainkan peranan penting dalam menekankan keseimbangan kurikulum dan kokurikulum dalam diri pelajar bagi melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga sahsiah. Setiap tahun, usaha-usaha meningkatkan pencapaian akademik pelajar menjadi fokus penting bagi setiap warga sekolah rendah kerana pencapaian dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah dapat dijadikan satu pengukur kepada komitmen dan daya usaha organisasi dalaman terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajar dari pandangan kaca mata organisasi luaran.

Program *Headcount* yang diperkenalkan sejak kebelakangan ini memberi impak kepada pelajar-pelajar, guru-guru, pihak pentadbir sekolah dan ibu bapa. *Headcount* merupakan suatu program pengurusan data untuk mengenal pasti pencapaian akademik setiap pelajar. Potensi akademik pelajar-pelajar tersebut diunjurkan berdasarkan keputusan Peperiksaan Akhir Tahun, tahun sebelumnya.

Kebanyakan pelajar tiada wawasan diri dan belajar tanpa haluan. Pelaksanaan program *Headcount* boleh membantu pelajar mempunyai misi masing-masing dengan menentukan target mereka. Melalui sasaran yang hendak dicapai atau bakal dicapai akan menggerakkan pelajar untuk lebih bersungguh-sungguh dalam pembelajaran mereka.

Guru bukan sahaja berperanan memberi perhatian kepada pengajarannya, malahan guru juga perlu memantau kemajuan pelajar. Melalui program *Headcount*, guru dapat sentiasa melihat tahap kemampuan atau potensi pelajar dan berusaha membawa pelajar ke arah kecemerlangan. Jika terdapat pelajar tidak mencapai tahap minimum, guru perlu berusaha mencari pendekatan pengajaran yang paling berkesan.

Perancangan berdasarkan sasaran yang telah ditentukan oleh pihak pentadbir sekolah memudahkan pemantauan berstrategik ke atas guru dan pelajar. Selain itu, panitia mata pelajaran dapat membuat analisis pasca nilai yang berasas dengan adanya pelaksanaan program *Headcount*. Sekiranya sasaran tidak dicapai, program pemulihan dan pengayaan akan dilaksanakan.

## **1.1 Latar Belakang Masalah**

Kecemerlangan sesebuah sekolah bergantung kepada pencapaian pelajar. Kejayaan sekolah perlu ditingkatkan walaupun setiap tahun wujud aliran masuk bagi pelajar tahun satu dan aliran keluar bagi pelajar tahun enam. Maka dalam pengurusan pencapaian akademik perlu ada satu mekanisme untuk mengesan pencapaian akademik setiap pelajar sepanjang persekolahan dan potensi pelajar perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Sekolah yang dikaji merupakan sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di Johor Bahru yang ditubuhkan pada tahun 1922. Keluasan sekolah adalah 2.2 ekar dengan sejumlah 3612 orang pelajar dan sebanyak 138 orang guru pada tahun 2007. Sekolah ini dibahagi kepada dua sesi kelas iaitu sesi pagi untuk tahun 4 hingga tahun 6 dan sesi petang untuk tahun 1 hingga tahun 3. Jumlah bilangan kelas ialah 88 kelas dimana 45 kelas sesi pagi dan 43 kelas sesi petang. Purata pelajar sekelas adalah seramai 42 orang pelajar.

Sekolah ini mempunyai infrastruktur yang lengkap. Sekolah ini mempunyai sebuah bangunan pentadbiran yang siap dibina pada tahun 2004. Dalam bangunan ini

terdapat sebuah dewan kuliah yang dilengkapi dengan alat pandang dengar yang berteknologi bagi membolehkan guru-guru menjalankan aktiviti-aktiviti pembelajaran secara beramai-ramai dengan muatan sebanyak 700 orang pelajar.

Pada tahun 2006, sekolah ini telah dianugerahkan sebagai Sekolah Cemerlang kategori bilangan pelajar yang mendapat semua A teramai dalam semua mata pelajaran yang diambil UPSR oleh Jabatan Pelajaran Johor. Kecemerlangan pencapaian akademik dengan 52 orang pelajar memperolehi semua A dalam mata pelajaran UPSR membolehkan sekolah ini menduduki tempat kelima bilangan semua A teramai dalam senarai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina pada tahun 2006.

Segala hasil yang diperolehi perlu disubur dengan usaha-usaha dilaksanakan. Semasa menjalankan usaha-usaha meningkatkan pencapaian akademik, guru-guru tentu menghadapi pelbagai rintangan, halangan, kekangan, tuduhan dan rintihan dari organisasi dalaman dan organisasi luaran.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Melalui kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau sikap guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* dalam usaha membawa pelajar ke arah kecemerlangan dan seterusnya menyumbang kepada penerusan kecemerlangan sekolah.

Pengurusan rekod markah murid adalah tugas penting bagi seseorang guru. Segala rekod markah murid perlu disediakan dan disimpan dengan lengkap dan tepat dalam sistem yang sesuai. Sejak kebelakangan pelaksanaan *Headcount* merupakan suatu penekanan analisis ke atas data-data markah yang ada supaya dapat menghasilkan maklumat yang dapat membantu guru memahami murid-muridnya dengan lebih tepat. Dengan adanya maklumat yang analitis daripada rekod-rekod murid, guru bukan sahaja dapat merancang pelajarannya dengan lebih berkesan tetapi juga boleh membimbing murid memperkembang potensinya secara menyeluruh.

Dari persoalan inilah penyelidik memilih persepsi guru terhadap pelaksanaan Program *Headcount* dalam pengurusan akademik pelajar sebagai skop kajian penyelidik kerana ingin mendapatkan persepsi guru-guru sekolah rendah terhadap pelaksanaan program *Headcount*. Ini bukan sahaja dapat memahami reaksi guru berhadapan murid-murid, ibu bapa dan pihak pengurusan dengan program *Headcount*, tetapi juga dapat memahami masalah yang dihadapi.

### 1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk :

- i. Mengetahui persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* .
- ii. Mengetahui persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* bagi pihak pengurusan.
- iii. Mengetahui persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* bagi pelajar.
- iv. Mengetahui persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* bagi ibu bapa.
- v. Mengenal pasti strategi yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan dalam pelaksanaan *Headcount*.

### 1.4 Persoalan Kajian

Tujuan utama dalam penyelidikan ini adalah untuk menjawab beberapa persoalan mengenai persepsi guru-guru di sekolah ini tentang pelaksanaan program *Headcount* dalam pengurusan akademik pelajar. Persoalan yang ditimbulkan dalam penyelidikan ini adalah :

- i. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* mengesan pencapaian akademik?
- ii. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* bagi pihak pengurusan?
- iii. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* bagi pelajar?
- iv. Apakah persepsi guru terhadap ibu bapa pelaksanaan program *Headcount* bagi ibu bapa?
- v. Apakah strategik yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan dalam pelaksanaan program *Headcount*?

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilakukan merangkumi pandangan, permasalahan dan sikap guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* dalam pengurusan pencapaian akademik pelajar. Melalui penyelidikan ini, penyelidik berharap dapat memberi satu gambaran kepada semua terutama pihak sekolah serta sekolah-sekolah lain, ibu bapa dan pelajar tentang impak pelaksanaan program *Headcount*. Daripada penyelidikan ini juga, pihak sekolah dapat mengenalpasti pandangan, permasalahan, sikap guru dan kesediaan pelajar supaya dapat meningkat keefisienan program *Headcount* dalam mengesan potensi pencapaian setiap pelajar.

Daripada penyelidikan ini, setiap panitia mata pelajaran dapat mengesan keberkesanan program *Headcount* membantu mereka dalam menangani masalah kesungguhan pelajar dan menepati piawai.

Melalui penyelidikan program *Headcount*, penyelidik dapat mengenalpasti sikap ibu bapa terhadap usaha pihak sekolah dan keprihatinan mereka terhadap pencapaian akademik anak mereka.

## **1.6 Batasan Kajian**

Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti persepsi guru-guru sekolah rendah terhadap pelaksanaan program *Headcount*. Sampel yang diambil adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Cina, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains kerana markah mata pelajaran ini sahaja diambilkira dalam pengiraan *Program Headcount* pelajar. Guru-guru ini boleh memberi respon kepada semua persoalan yang timbul dalam penyelidikan. Dalam kajian ini, penyelidik dapat menyelidik beberapa aspek tentang guru-guru dalam pengurusan pencapaian akademik pelajar.

## **1.7 Definisi Kajian**

### **1.7.1 Persepsi**

Menurut Kamus Dewan (2007), persepsi bermaksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran serta tanggapan. Di dalam penyelidikan ini, penyelidik mendefinisikan persepsi sebagai pandangan yang datang dari jiwa yang ikhlas tentang persoalan yang dikemukakan kepada seseorang itu.

### **1.7.2 Guru**

Menurut Kamus Dewan (2007), guru bermaksud orang yang mengajar, pendidik, pengajar dan pengasuh. Penyelidik mendefinisikan guru yang berperanan memberi pendidikan asas yang cukup dan kukuh kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dari segi intelek, jasmani, emosi dan rohani. Maka, guru berakuntabiliti melahirkan generasi

muda yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malahan juga mempunyai nilai moral yang tinggi, bertanggungjawab, bersikap positif dan sentiasa sanggup memberi sumbangan kepada masyarakat, bangsa dan Negara.

### **1.7.3 Sekolah Rendah**

Menurut Kamus Dewan (2007), sekolah rendah bermaksud sekolah permulaan untuk kanak-kanak. Mengikut sistem pendidikan di Malaysia, kanak-kanak yang berumur 7 tahun diwajibkan mula menerima pendidikan rendah selama enam tahun di sekolah rendah. Tujuan pendidikan rendah ialah untuk mengadakan pendidikan asas di peringkat rendah kepada kanak-kanak untuk membolehkan mereka menulis, mengira dan membaca dengan berkesan bagi melengkapkan diri mereka melanjutkan pelajaran sekolah menengah.

### **1.7.4 Pelaksanaan**

Menurut Kamus Dewan (2007), pelaksanaan bermaksud perbuatan menjalankan atau mengusahakan rancangan atau tugas. Penyelidik mendefinisikan pelaksanaan sebagai satu usaha menjalankan aktiviti untuk kejayaan pelajar.

### **1.7.5 Program *Headcount***

Mengikut *Oxford Advanced Learner Dictionary* (2000), *Program Headcount* bermaksud “an inventory of people in a group taken by counting individuals.” Selain itu, *Program Headcount* juga bermaksud “The act of counting people in a particular group.” Maka dengan pelaksanaan *Program Headcount* dalam analisis markah, penyelidik dapat mengenal corak pencapaian seseorang dalam kumpulan pelajar.

Program *Headcount* merupakan satu inisiatif Jabatan Pendidikan Negeri Johor bermula tahun 2006. Melalui *Program Headcount*, sekolah dapat menilai prestasi masa

lalu, mengenal pasti keadaan semasa, kekuatan dan kelemahan serta mensasarkan prestasi pada masa akan datang. Pihak pengurusan sekolah dapat menentukan hala tuju pencapaian pelajar dan menfokuskan tindakan untuk mencapai matlamat kecemerlangan dan keberkesanan sekolah.

### **1.7.6 Pengurusan**

Mengikut Ismail Yusof (2005) , pengurusan merupakan satu proses sosial dibentuk untuk memastikan kerjasama, penglibatan, campurtangan dan penyertaan orang lain ke arah pencapaian yang objektif sesuatu yang telah ditetapkan. Dalam proses pengurusan sekolah melibatkan segala aktiviti untuk menentukan kejayaan pelajar yang merangkumi perancangan, penyusunan, pengarahan dan pengawalan usaha ahli-ahli organisasi dan sumber organisasi untuk mencapai matlamat organisasi sekolah.

### **1.7.7 Akademik**

Menurut Kamus Dewan (2007), akademik bermaksud berkaitan dengan ilmu pengetahuan yang diperoleh. Dalam penyelidikan ini, penyelidik merujuk akademik kepada pengajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Matematik dan Sains.

### **1.7.8 Pelajar**

Menurut Kamus Dewan (2007), pelajar bermaksud orang yang sedang belajar atau berguru. Dalam penyelidikan ini, penyelidik mendefinikan pelajar sebagai seseorang yang menimba ilmu dan kemahiran untuk mengubah sikap dan tingkah laku supaya berkembang secara berterusan.

## **BAB II**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.0 Pengenalan**

Dalam bab II penyelidik akan menyorot beberapa kajian, pandangan yang mempunyai kaitan rapat dengan tajuk yang dikaji. Penyelidik akan memberi perhatian pentadbiran dan pengurusan sekolah, sikap dan kesediaan murid, peranan guru dan penglibatan ibu bapa dengan pihak sekolah.

#### **2.1 Pengurusan Sekolah**

Pengurusan merupakan satu proses sosial yang dibentuk untuk memastikan kerjasama, penglibatan, campurtangan dan penyertaan orang lain ke arah pencapaian sesuatu objektif yang ditetapkan. Sekolah adalah satu sistem terbuka yang sering terdedah kepada faktor luaran serta pelbagai pengaruh.

Dalam komutiti sekolah, guru besar yang memegang teraju pentadbiran sekolah memainkan peranan yang amat penting dalam menjalankan fungsi pengurusan sesebuah sekolah. Guru besar bertanggungjawab bukan sahaja terhadap komuniti dalaman, malahan juga melibatkan komuniti luaran seperti ibu bapa, masyarakat sekeliling dan pihak pejabat pendidikan. Maka peranan Guru Besar penting mengurus sekolah

melakukan peningkatan prestasi dan membina keupayaan menangani perubahan dalam persekitaran sekolah yang semakin mencabar.

Menurut tujuh prinsip yang disimpulkan oleh Wagner dan rakan-rakannya (2006), untuk peningkatan kepimpinan pengajaran dan pencapaian murid dalam pengurusan sekolah:-

- i) Kepentingan menggunakan data sebenar untuk arahan kemajuan
- ii) Berkongsi visi tentang pengajaran yang baik
- iii) Bermesyuarat tentang usaha dilakukan
- iv) Berkongsi visi tentang pencapaian murid
- v) Kecekapan penyeliaan
- vi) Pembangunan dalam bidang profesional mengajar
- vii) Mempertanggungjawab bersama terhadap diagnosis data

## **2.2 Matlamat Operasional Sekolah**


Menurut Sharifah Md.Nor (2003), secara realitinya misi sekolah lebih kepada aspek akademik dan lulus peperiksaan kerana matlamat operasional sekolah lebih khusus dan lebih pragmatik daripada matlamat rasmi. Satu sebabnya ialah matlamat sekolah ini lebih senang diukur, dicapai dan ditafsirkan. Kedua, wujud kepercayaan umum bahawa lulus peperiksaan dengan cemerlang akan menjamin masa hadapan anak-anak mendapat pekerjaan yang lumayan pendapatannya. Ketiga, kepercayaan bahawa pelajar yang tekun belajar tidak akan melibatkan diri dalam gejala-gejala tidak sihat dan senang dikawal. Keempat, prestasi akademik yang cemerlang menunjukkan bahawa sekolah telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik. Kelima, kepercayaan bahawa itulah kehendak klien utama sekolah, iaitu ibu bapa dan murid, dan juga kehendak Kementerian Pelajaran Malaysia.

### 2.3 Peranan Guru

Mok Soon Sang (2002), mentakrifkan fenomena pemindahan pembelajaran berlaku daripada kemahiran yang dikuasai dalam pembelajaran lama kepada pembelajaran baru. Maka guru perlu peka terhadap tahap kemampuan atau potensi murid dan berusaha untuk membawa murid ke arah kecemerlangan. Tahap pencapaian semasa (TOV) yang ditentukan melalui program *Headcount* membolehkan guru memantau kemajuan muridnya dan seterusnya merancang strategi pengajaran yang berkesan terhadap tahap pembelajaran seseorang murid itu.


### 2.4 Penilaian Pelajar

Penilaian pelajar dijalankan untuk menguji kefahaman pelajar terhadap pelajaran dan menggunakan dalam situasi baru. Ini membolehkan guru menentukan sama ada objektifnya tercapai atau tidak. Penilaian boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif melibatkan penggunaan ujian untuk mengukur kemajuan pelajar setelah dia mencapai hasil pembelajaran tentang satu bahagian pengajaran yang terhad misalnya, satu unit pelajaran atau satu bab di dalam buku teks. Menurut Norman (2006) matlamat penilaian formatif ialah untuk mengawal proses pembelajaran dan memperuntuk cara pembetulan untuk memperbaiki belajar. Apabila masalah pembelajaran timbul dan tidak dapat diselesaikan melalui pembetulan dengan penilaian formatif, maka penilaian diagnosis perlu diambil untuk mengesan sumber kesilapan yang dihadapi oleh pelajar itu dan masalah belajar dikesan untuk diatasi.



### **Rajah 2.1 : Model untuk Peranan Penilaian Formatif dalam Pengajaran**

Penilaian sumatif pula merupakan penilaian yang dijalankan pada akhir sesuatu kursus. Tujuannya ialah untuk memberikan gred-gred tertentu dan juga sijil-sijil. Penilaian sumatif meliputi skop luas bidangnya dan semua tugas pembelajaran yang ditentukan dalam pengajaran.



**Rajah 2.2 : Model untuk Peranan Penilaian Sumatif dalam Pengajaran**

Melalui penilaian terhadap pelajar, guru dapat mengumpulkan maklumat tentang pencapaian pelajar. Ini penting untuk guru merancang secara berkesan dalam pengajaran mereka untuk mempertingkatkan pembelajaran. Penilaian memberi kesan terhadap nilai harga diri seseorang untuk berjaya dalam masa hadapan daripada keupayaan intelek seseorang itu. Seorang pelajar yang berkeyakinan dan mengalami kejayaan dalam pencapaian akan memanfaatkan dari persekolahannya dan kebiasaan boleh berjaya dalam hidupnya seterusnya. (Paul Weeden, Jan Winter dan Patricia Broadfoot, 2002)

## 2.5 Kesediaan Murid

Pembelajaran merupakan suatu proses yang berterusan bagi seorang pelajar. Sungguhpun pelbagai aktiviti untuk mempertingkatkan usaha pembelajaran, namun

tidak membuahkan keputusan yang diinginkan. Gaya pembelajaran setiap pelajar adalah berbeza dipengaruhi oleh perbezaan individu dari segi fizikal, emosi, mental, tingkah laku dan social. Maka memberi kesan terhadap kesediaan murid dalam pembelajaran.

Kanak-kanak yang sama umur tidak semestinya mempunyai kesediaan pelajar yang sama terhadap pembelajaran. Perbezaan ini disebabkan oleh latar belakang keluarga, kecerdasan, kematangan dan pengalaman yang lepas. Guru perlu mempunyai kefahaman terhadap perbezaan kesediaan pelajar supaya melayan pelajar secara individu atau kumpulan mengikut kaedah yang berbeza.

Menurut Broadfoot (1986), pelajar yang masih belum memperkembangkan kesedaran diri terhadap belajar bergantung kepada guru untuk mengajar daripada inisiatif diri dalam proses pembelajaran. Mereka menjadi pelajar yang pasif, tiada minat belajar dan mempunyai masalah disiplin diri.

## **2.6 Pelaksanaan Program *Headcount***

Pelaksanaan program *Headcount* boleh dijadikan satu pendekatan untuk mengesan potensi pencapaian setiap murid. Melalui maklumat markah pelajar dikumpul dan dianalisis, pihak sekolah dapat menetapkan target dengan program *Headcount* bagi memastikan kecemerlangan dari segi kualiti pencapaian pelajar. Pelajar perlu didedahkan dengan pendekatan program *Headcount* supaya mereka dapat berkongsi visi dengan sekolah.

Dalam pelaksanaan program *Headcount*, pelajar perlu mengetahui tahap pencapaian semasa mereka agar boleh menetapkan sasaran pencapaian masing-masing. Kemudian, pelajar dibimbing untuk bertanggungjawab atas prestasi dan pencapaian diri. Mereka perlu berusaha mencapai sasaran peningkatan yang ditetapkan semasa bimbingan guru. Selepas penilaian dijalankan dan markah diperolehi, guru dan pelajar bersama-sama membuat analisis tentang kelemahan dan kekuatan mereka. Pelan tindakan perlu diambil untuk merancang langkah-langkah peningkatan terhadap keputusan pencapaian. Program dirancang perlu mengikut tahap pencapaian pelajar dan

berpandu kepada sasaran pencapaian yang ditentukan. Murid seterusnya akan mengikuti program yang dirancang dengan pemantauan guru.

Menurut pendapat Tengku Azuan (2006), pendekatan *Headcount* bertambah penting kerana wujud kesedaran terhadap pelajar kini yang tiada wawasan diri. Kebanyakan pelajar tiada matlamat diri, maka mereka tiada kesungguhan dalam pembelajaran. Dengan hal ini, guru-guru telah mengalami kesukaran membimbing dan memotivasi mereka. Fenomena ini jika dibiarkan berterusan, generasi harapan negara ini akan ketinggalan dari arus perkembangan globalisasi dan hilang keupayaan bertanding dengan penghuni sedunia yang sedang giat memperlengkapkan kekuatan diri dengan ilmu pengetahuan.

Dengan program *Headcount*, seseorang guru dapat sentiasa melihat tahap kemampuan setiap pelajar dan berusaha untuk membawa pelajar ke arah kecemerlangan. Guru berusaha mencari pendekatan pengajaran yang berkesan untuk memantau kemajuan muridnya dari semasa ke semasa.

Pihak pentadbir sekolah mudah menetapkan sasaran pencapaian keseluruhan pelajar dengan pendekatan program *Headcount*. Ini memudahkan mereka melakukan pemantauan berstrategik ke atas guru dan pelajar. Pihak pentadbir sekolah dapat mengurus matlamat organisasi secara bersistematik dengan mengarah pihak panitia mata pelajaran membuat pasca nilai yang berasas dalam merancang program peningkatan pencapaian pelajar dalam akademik. Program pemulihan atau pengayaan dilaksanakan berdasarkan pencapaian setiap pelajar itu.


Melalui Pelaksanaan program *Headcount* ini, perkara-perkara yang dapat dilihat dengan jelas iaitu :-

- a. Gred Purata Individu
- b. Gred Purata setiap mata pelajaran
- c. Gred Purata setiap kelas
- d. Gred Purata Sekolah
- e. Gred Purata mata pelajaran bagi keseluruhan mengikut kelas
- f. Gred Purata mata pelajaran bagi keseluruhan peringkat sekolah.
- g. Pencapaian peratus penguasaan sehingga tahap minimum bagi setiap kelas.

- h. Pencapaian peratus penguasaan sehingga tahap minimum peringkat sekolah.
- i. Bilangan dan peratus murid mencapai semua A dalam semua mata pelajaran.

Program *Headcount* merupakan satu alat pengurusan yang berguna untuk memproses data pencapaian murid. Menurut Taylor dan Ryan (2005), beberapa panduan penggunaan data bagi membaiki pencapaian murid, iaitu

- i) Menggunakan data dengan lengkap, terutamanya maklumat tentang nilai tambah
- ii) Membandingkan pencapaian murid dengan sekolah yang serupa
- iii) Menetapkan cabaran sasaran sekolah yang realistik
- iv) Mengurus data berdasarkan mata pelajaran
- v) Membangun sasaran diri murid dan selalu mengawas perkembangan mereka
- vi) Penglibatan ibu bapa
- vii) Menggunakan sokongan ICT dan pentadbiran
- viii) Berkongsi pengurusan data



**Rajah 2.3 : Langkah-langkah Pelaksanaan Program *Headcount***

## **2.7 Sokongan Pembelajaran**

Ketika dalam sekolah rendah, kanak-kanak mula merentasi zaman perkembangan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Mereka mula belajar cara berhubung dengan orang luaran . Menurut Dean (1995), peranan sekolah mempunyai kesan terhadap perkembangan kanak-kanak. Maka sekolah perlu peka terhadap keperluan kanak-kanak. Sokongan pembelajaran yang disediakan oleh organisasi sekolah amat penting membantu kanak-kanak mengharungi cabaran hidup pada peringkat permulaan persekolahan ini.

## **2.8 Peranan Ibu Bapa dengan Sekolah**

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam sistem persekolahan anak mereka. Hubungan antara ibu bapa dan pihak sekolah adalah rapat. Peranan yang dimainkan oleh ibu bapa tidak harus dianggap satu entiti yang terpisah dengan sistem persekolahan. Mereka harus sentiasa berhubung dengan guru untuk mengetahui perkembangan anak mereka di sekolah. Tanggungjawab mendidik anak menjadi seorang yang berilmu dan berguna bukan hanya tugas bagi seorang guru. Ibu bapa merupakan orang yang paling dekat dengan anak perlu peka terhadap perkembangan potensi anak mereka dan membantu anak membentuk konsep sendiri yang positif.

Mengikut teori perkembangan kanak-kanak mengikut Gesell, peringkat umur sekolah rendah merupakan peringkat adaptasi dan konsolidasi kepada hidup persekolahan. Menjelang akhir persekolahan sekolah rendah, pelajar telah menjejak masa transisi dan wujud konflik masa remaja. Pada peringkat kritikal ini, ibu bapa bukan sahaja perlu prihatin terhadap tingkah laku anak, malahan perlu bekerjasama dengan guru untuk mengetahui perangai anak mereka di sekolah.

Menurut Abdul Rahim(2006), ibu bapa perlu bersikap terbuka, berpandangan liberal, sedia mendengar pandangan dan pendapat anak, berfikir rasional dan logik,

bersedia menerima perubahan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran baru, bersikap terbuka untuk belajar serta sentiasa sensitive terhadap keadaan dan perkembangan yang berlaku. Dengan ini, ibu bapa dapat menyesuaikan peranan dan pendekatan dalam menangani berbagai-bagai masalah dan perkembangan yang berlaku sekarang.

Dalam sesebuah keluarga, ibu bapa bertanggungjawab menyalurkan dua bentuk pelaburan untuk anak mereka, iaitu pelaburan material dan pelaburan budaya. Menurut Abdul Rahman (2006), ciri-ciri budaya yang patut dilengkapkan dalam rumah tangga termasuk :

- i) Tahap pencapaian pendidikan ibu bapa
- ii) Sifat keibuan yang merangsang kepada kejayaan pelajaran
- iii) Tahap pembacaan ibu bapa
- iv) Rangsangan intelektual di rumah
- v) Minat keluarga terhadap pendidikan
- vi) Ruangan pembelajaran di rumah
- vii) Sokongan ibu bapa untuk membeli buku dan meminta orang lain untuk menunjuk ajar kepada anak

Selain membina persekitaran yang positif untuk pembelajaran, ibu bapa mesti menyanjung tinggi terhadap ilmu pengetahuan dan sentiasa mendorong anak untuk mencapai ketinggian ilmu pengetahuan. Sikap positif terhadap kejayaan akademik pada ibu bapa penting untuk membentuk kepercayaan anak terhadap pentingnya pendidikan dalam kehidupan. Dalam keluarga yang dipenuhi dengan suasana kemesraan dan kasih sayang dapat membentuk anak yang sentiasa ingin berkembang dan rasa tanggungjawab terhadap pelajaran pada diri mereka dalam setiap detik kehidupan.

Maka penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan program *Headcount* adalah penting. Ibu bapa perlu memainkan peranan dalam membantu anak berusaha mencapai sasaran yang ditetapkan dan memberi penghargaan serta pujian atas usaha anak. (Taylor dan Ryan, 2005)

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini telah membincangkan aspek-aspek penyelidikan yang telah dilakukan seperti reka bentuk kajian, tempat kajian, sampel kajian, instrument kajian, pengumpulan data, analisa data, kajian rintis dan kesimpulan. Melalui metodologi kajian ini, penyelidik telah mengumpulkan data yang bersesuaian dengan persoalan kajian penyelidikan.

Terdapat banyak kaedah untuk mengumpulkan data. Kaedah yang digunakan adalah bersesuaian dengan objektif penyelidikan. Ini amat penting dalam menyumbangkan data tepat dalam penyelidikan ini agar mencapai kriteria utama penyelidikan iaitu keobjektifan, kesahan, kebolehpercayaan dan kepenggunaan ( Mohamad Najib, 2003)

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan dalam penyelidikan ini adalah melalui soal selidik untuk mengumpulkan maklumat responden. Kaedah soal selidik ini melibatkan kos yang kecil dan berkesan dalam kajian lapangan penyelidikan ini. Penyelidikan ini digunakan untuk

maklum balas mengenai persepsi guru-guru terhadap usaha-usaha peningkatan akademik. Selain itu, kaedah analisis dukomen yang relevan dan temubual pihak yang terlibat juga digunakan untuk mengumpulkan maklumat atau dapatan yang menyokong dalam penyelidikan ini.

### **3.3 Tempat Kajian**

Penyelidikan ini dijalankan di sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di Johor Bahru. Pemilihan sekolah ini adalah berdasarkan rasional-rasional di bawah:

- i. Sekolah ini telah memperolehi peratus kelulusan pencapaian keseluruhan UPSR yang meningkat dari tahun 2001 hingga 2006.
- ii. Sekolah ini telah dianugerahkan sebagai sekolah cemerlang kategori bilangan murid yang mendapat semua A teramai dalam semua mata pelajaran yang diambil dalam UPSR Negeri Johor pada tahun 2006.

#### **3.3.1 Latar belakang kajian sekolah**

Sekolah yang dikajikan menekankan program peningkatan prestasi UPSR 2007 khasnya bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Pihak sekolah percaya berdasarkan strategi-strategi serta kelengkapan yang sedia ada, semua murid boleh mencapai kecemerlangan dalam UPSR 2007.

Segala program peningkatan prestasi UPSR 2007 mempunyai objektif-objektif berikut:

- a. Mempertingkat bilangan murid Tahun 6 yang mampu mencapai tahap kecemerlangan A dalam semua mata pelajaran.
- b. Memberi kesedaran kepada murid-murid tentang kepentingan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

- c. Membantu murid-murid yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia supaya mampu mencapai sekurang-kurangnya pangkat C dalam kertas pemahaman dan penulisan.
- d. Membantu murid-murid yang lemah dalam Bahasa Inggeris supaya mampu mencapai sekurang-kurangnya pangkat C dalam kertas Bahasa Inggeris.

Sekolah ini telah menubuhkan sebuah jawatankuasa peperiksaan yang dipengerusi oleh Guru Besar. Penyelaras-penyelaras dijawat oleh semua Guru Penolong Kanan. Ahli jawatankuasa disandar oleh semua Guru Panitia dan guru-guru darjah Tahun 6. Sejak dari awal tahun, program-program telah dilancarkan. Sebanyak 12 aktiviti dijalankan dalam program ini untuk membantu murid-murid Tahun 6 menghadapi UPSR iaitu kelas tambahan, kelas bimbingan, Kem Motivasi, Motivasi Teknik Menjawab Soalan, Ujian bulanan, Siaran pagi, pameran karya murid, Bimbingan Intensif, Ceramah Pelajar Cemerlang, Program Anak Angkat, Bacaan sesi pagi dan Ceramah Permarkahan Bahasa Malaysia.

**Jadual 3.1 : Jadual Analisis Kelulusan Mata Pelajaran Sekolah Kajian Bagi Tahun 2001 - 2006**

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	Sasaran 2007
BM (SJK) Pemahaman	45.60%	56.70%	56.93%	66.90%	71.36%	76.00%	80%
BM (SJK) Penulisan	32.20%	63.00%	57.26%	64.15%	61.98%	70.09%	80%
BC Pemahaman	95.90%	94.60%	94.09%	95.71%	95.65%	95.48%	97%
BC Penulisan	91.90%	91.50%	89.36%	91.94%	93.48%	92.35%	95%
Bahasa Inggeris	50.20%	74.20%	70.44%	75.81%	72.91%	76.52%	80%
Matematik	93.00%	95.40%	96.79%	97.77%	96.82%	97.57%	98%
Sains	92.10%	93.90%	95.10%	94.51%	96.66%	95.30%	97%
Jumlah Calon	630	702	592	583	598	575	596
Bil. Calon lulus semua M/P	189	345	273	317	337	365	447
% Pencapaian Keseluruhan	30.00%	49.15%	46.11%	54.40%	56.40%	63.50%	75%

Dari analisis kelulusan mata pelajaran UPSR tahun 2001 - 2006 , pencapaian kelulusan keseluruhan bagi sekolah ini amat bergantung kepada mata pelajaran Bahasa

Melayu. Persekitaran sekolah Cina yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar mendatangkan tekanan dan masalah bagi guru-guru dalam meningkatkan pencapaian bahasa selain bahasa Cina. Berpandukan pasca nilai, sasaran bagi meningkatkan jumlah bilangan kelulusan perlu ditentukan.

Daripada analisa keputusan pencapaian UPSR, ternyata Program Peningkatan Prestasi UPSR ini merupakan satu usaha jangka panjang dan perlu gigih usaha dari semua pihak supaya prestasi pencapaian peperiksaan UPSR dapat ditingkatkan secara beransur-ansur. Maka dengan pelaksanaan program *Headcount* boleh mewujudkan satu kesedaran di kalangan guru-guru tentang ketanggungjawaban mereka membantu murid berjaya dalam bidang akademik. Guru-guru perlu berdedikasi dan berdisiplin dalam profesionnya sebagai pendorong dan pendidik kepada murid-murid sekolah ini.

### **3.4 Sampel Kajian**

Memandangkan populasi penyelidikan ini seramai 143 orang guru, penyelidik mengambil 100 orang guru sebagai sampel kajian. Kajian ini terbatas kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Cina, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Sampel guru ini dipilih secara rawak supaya dapat mewakili populasi.

### **3.5 Instrumen Kajian**

#### **3.5.1 Soal Selidik Kumpulan Fokus**

Untuk membuat kajian pengesanan kefahaman guru terhadap tajuk penyelidikan, seramai 10 orang guru dari Tahap Satu dan Tahap Dua telah diambil sebagai kumpulan

fokus dalam kajian. Mereka telah dikumpulkan dengan terlibat dalam perbincangan dan dicatatkan pandangan mereka terhadap tajuk kajian.

### 3.5.2 Soal Selidik

Bagi melihat persepsi guru-guru terhadap pelaksanaan *Headcount* dalam pengurusan akademik, instrumen yang digunakan ialah satu set soal selidik bagi responden. Soal selidik ini mengandungi 2 bahagian iaitu :

Bahagian A : Untuk mengetahui latar belakang responden

Bahagian B : Untuk mengetahui persepsi guru-guru terhadap pelaksanaan *Headcount* dalam pengurusan akademik.

**Jadual 3.2 : Skala Maklum Balas dan Skor**

<b>Bil</b>	<b>Maklum Balas</b>	<b>Singkatan</b>	<b>Skor</b>
1	Sangat Tidak Setuju	STS	1
2	Tidak Setuju	TS	2
3	Tidak Pasti	TP	3
4	Setuju	S	4
5	Sangat Setuju	SS	5

Latar belakang responden dalam Bahagian A telah dianalisis untuk mendapatkan taburan responden daripada aspek jantina, umur, kelulusan, pengalaman mengajar, matapelajaran yang diajar, dan kelayakan ikhtisas.

Manakala dalam Bahagian B, responden dikehendaki menandakan skor yang tertera pada jawapan yang disediakan. Nilai angka skala yang ditandakan mencerminkan pandangan responden terhadap soalan item yang dikemukakan. Selepas itu, kertas soal selidik dikumpulkan dan data diproses mengikut item untuk menentukan jumlah kekerapan dan diikuti peratus dan min (purata).

### **3.5.3 Temubual**

Teknik temubual dijalankan bagi mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk pernyataan langsung daripada responden. Teknik ini boleh mendapatkan maklumat yang terperinci dan banyak dalam masa yang singkat. Temubual telah dibuat ke atas Penolong Kanan (Akademik) , guru panitia dan ibu bapa pelajar tahun enam.

### **3.5.4 Analisis Dokumen**

Dokumen seperti rekod data pencapaian kelulusan murid tahun enam telah dikaji bagi mendapatkan maklumat sokongan penyelidikan dalam Bab V. Dengan menjalankan kajian atas dokumen dapat meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan.

## **3.6 Kajian Rintis**

Untuk memastikan penyelidikan dapat memenuhi aspek objektif, kesahan, kebolehpercayaan dan kepenggunaan, maka satu kajian rintis dijalankan. Kajian rintis ini juga penting untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrument, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis.

Untuk mentadbir soal selidik, seramai 10 orang responden yang mempunyai ciri yang sama dengan populasi sebenar dipilih untuk analisis kesahan dan tahap kebolehpercayaan.

Untuk meningkatkan tahap kesahan, penyelidik berbincang setiap item dengan responden. Responden perlu benar-benar faham setiap pernyataan yang dikemukakan. Responden juga diberi penjelasan tentang istilah dan struktur ayat dalam item. Item

yang samar, tidak difahami dan diberi jawapan yang berbeza dengan objektif diubahsuai dengan menggunakan ayat dan struktur yang difahami oleh sampel.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan ujian statistik Alpha-Cronbach dengan perisian SPSS untuk menguji skala kebolehpercayaan instrumen kajian. Hasil dapatan dalam kajian rintis ini menunjukkan nilai kepercayaan ialah 0.95. Menurut Mohd Majid Konting (1993), nilai alpha yang melebihi 0.6 adalah sah. Ini membuktikan bahawa kebolehpercayaan instrument kajian dan mempunyai kesahan dalam ujian. Jika nilai alpha kurang daripada 0.6, maka perlunya pelaksanaan ubahsuaian terhadap item yang bermasalah. Nilai alpha ini memadai syarat instrumen yang dibina.

### **3.6.1 Kesahan Instrumen Kajian**

Penyelidik telah merujuk pandangan, tunjuk ajar serta panduan daripada pakar dalam pembinaan dan pengubahsuaian soal selidik sebelum mengedarkan kepada responden. Pandangan dari pakar telah meningkatkan kesahan soal selidik. Mereka telah memberi tunjuk ajar dalam memperbaiki kelemahan soal selidik supaya item-item yang dibina tidak mengelirukan pentafsiran responden.

Dua pakar yang membantu penyelidik ialah:

- i) Encik Hassan bin Hushin – penyelia akademik
- ii) Dr.M.Al.Muzzammil

### **3.7 Prosedur Kajian**

Untuk memastikan kajian ini dilaksanakan dengan baik dan bersistematik, penyelidik mematuhi prosedur pelaksanaan penyelidikan. Prosedur-prosedur yang dilalui adalah seperti di bawah :

- i) Mengadakan perbincangan dengan penyelia untuk menentukan skop kajian
- ii) Menyediakan kertas kerja cadangan penyelidikan
- iii) Mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
- iv) Mendapatkan kebenaran Guru Besar sekolah kajian
- v) Mengedarkan soal selidik kepada guru-guru dan mengadakan temubual
- vi) Mengumpulkan soal selidik yang telah dijawab
- vii) Membuat analisis data dan dokumen
- viii) Membuat keputusan hasil kajian

### **3.8 Analisis Data**

Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package For Sosial Science V 10.0 for Windows (SPSS)* iaitu satu perisian komputer untuk menganalisis data kekerapan, peratusan dan min. Penyelidik menggunakan statistik deskriptif dalam memproses data yang dikumpulkan.

Penyelidik menggunakan skil pemeringkatan Likert untuk membina item soal selidik. Berdasarkan item pernyataan, responden telah menandakan tahap berdasarkan persepsi mereka. Tahap ini dikelaskan dengan skor 1 hingga skor 5. Skor angka ini mewakili skala yang berbeza, iaitu :

Skor 1 mewakili “ Amat Tidak Setuju” (ATS)

Skor 2 mewakili “Tidak Setuju” (TS)

Skor 3 mewakili “Tidak Pasti” (TP)

Skor 4 mewakili “Setuju” (S)

Skor 5 mewakili “Amat Setuju” (AS)

Selepas mengumpulkan data mengikut skil pemeringkatan Likert, skor lima mata dikelaskan kepada skor tiga mata. Bilangan skor 1 dan 2 bagi setiap pilihan

responden dijumlahkan mengikut item untuk mewakili “Tidak Setuju” (TS) terhadap item pernyataan. Manakala bilangan skor 4 dan 5 bagi setiap pilihan responden dijumlahkan mengikut item untuk mewakili “Setuju” (S) terhadap item pernyataan. Skor 3 dikekalkan mewakili “Tidak Pasti” (TP) terhadap item pernyataan.

**Jadual 3.3 : Skala Tiga Mata dan Skor**

Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
1 (Tidak Setuju)		2 (Tidak Pasti)	3 (Setuju)	

Berdasarkan sumber dari Jawatankuasa Pembangunan Diri Pelajar, UTM (1999/2000), skor min dapat dikelaskan mengikut tiga tahap status seperti di bawah :

**Jadual 3.4 : Pengkelasan Skor Min dan Status**

Skala	Pengiraan Sela Skala	Status
1 hingga 2.33	$\frac{5-1}{3} = 1.333$	Rendah
2.34 hingga 3.66		Sederhana
3.67 hingga 5.00		Tinggi

### 3.9 Kesimpulan

Dalam bab ini dijelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan untuk mendapatkan hasil kebolehpercayaan yang baik dan dapatan kajian yang sistematik. Perkara-perkara yang dijelaskan meliputi rekabentuk, instrumen dan kaedah analisis data yang digunakan. Tatacara yang dipatuhi melicinkan penyelidikan.

## **BAB IV**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab ini akan menganalisis mengenai hasil dapatan dan kajian dalam penyelidikan ini. Semua data dan maklumat yang diperolehi adalah menerusi soal selidik, analisis dokumen sekolah dan temubual. Dalam bab ini, penyelidik telah menganalisis data-data yang dikumpulkan melalui soal selidik daripada kumpulan fokus dan 100 set soal selidik yang telah diedarkan kepada 120 orang responden di sekolah kajian. Kerjasama yang diberikan oleh setiap anggota guru amat baik sehingga soal selidik dapat dikembalikan dalam masa yang dijanjikan.

Analisis kumpulan fokus dijalankan adalah untuk meninjau kefahaman tajuk penyelidikan bagi sampel yang dikaji. Seramai 10 orang guru diedarkan soal selidik. Mereka menjawab soalan yang dikemukakan dan melibatkan dalam perbincangan untuk menjelaskan pandangan mereka.

Analisis data terhadap 100 orang responden ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A tentang latarbelakang responden dan bahagian B tentang item-item yang menjawab persoalan kajian penyelidikan ini. Dalam analisis bahagian B pula, penyelidik meringkaskan Skala Likert kepada 3 peringkat untuk memudahkan pengkategorian data bagi melambangkan sesuatu pola. Dengan menggunakan perisian '*Statistical Package for the Sosial Science*' (SPSS V10.0) untuk memproses data-data

yang dikumpulkan bagi menghasilkan analisis statistik deskriptif tentang penyelidikan ini.

Analisis data penyelidikan ini bagi bahagian B dibahagikan kepada 4 sub-bahagian mengikut persoalan kajian. Data-data ditafsirkan dan dipaparkan mengikut kekerapan (frekuensi), nilai min serta peratusan. Nilai-nilai ini dianalisis berdasarkan setiap item dan aspek yang dikaji. Di bawah dikemukakan pecahan soalan serta bilangan bagi aspek yang dikaji:

Jadual 4.1 : Taburan soalan mengikut persoalan kajian

Aspek	No. Soalan	Bilangan Soalan
Persoalan Kajian 1	1,2,3,4,5,6,7,8,9,10	10 soalan
Persoalan Kajian 2	11,12,13,14,15,16,17,18	8 soalan
Persoalan Kajian 3	19,20,21,22,23,24,25,26	8 soalan
Persoalan Kajian 4	27,28,29,30,31,32	6 soalan

#### 4.1 Analisis Kumpulan Fokus

Jadual 4.2 : Jadual Analisis Kumpulan Fokus

Bil	Pernyataan	TS	TP	S	Min	Sisihan Piawai
	<b>Melalui kajian ini,</b>					
1	saya tahu apa itu program <i>Headcount</i>		2	8	3.8	0.4216
2	saya faham tentang konsep program <i>Headcount</i>		2	8	3.8	0.4216
3	saya tahu item-item yang perlu dianalisis dalam program <i>Headcount</i>		3	7	3.7	0.4830
4	saya memahami prosedur pelaksanaan program <i>Headcount</i> dengan jelas		5	5	3.5	0.5270
5	saya rasa bertanggungjawab meningkatkan pencapaian akademik pelajar.		1	9	4.2	0.6325
	<b>Dengan melaksanakan program</b>					

	<b>Headcount</b>					
6	murid sedar tentang tahap pencapaian akademik mereka	1	3	6	3.9	1.1005
7	murid terdorong untuk meningkatkan pencapaian akademik	2	2	6	3.5	0.9718
8	kebanyakan murid menunjukkan kesungguhan dalam pembelajaran	1	6	3	3.3	0.8233
9	murid sedar kepentingan kecemerlangan dalam pencapaian akademik	1	2	7	3.6	0.6992
	<b>Untuk pelaksanaan program Headcount yang berkesan</b>					
10	kesediaan murid memainkan peranan penting		1	9	3.9	0.3162
11	pemantauan pihak pengurusan adalah penting		1	9	4.1	0.5676
12	guru perlu diberi kursus pengurusan Headcount		3	7	3.8	0.6325
13	manual pelaksanaan Headcount perlu ada untuk setiap guru		4	6	3.7	0.6749
	<b>Pada pandangan saya</b>					
14	program Headcount harus dilaksanakan di sekolah		5	5	3.5	0.5270
15	perlu perbincangan selepas setiap peperiksaan dengan analisis program Headcount		2	8	4	0.6667
16	program Headcount sesuai dilaksanakan untuk tahun 1 hingga tahun 6	2	5	3	3.1	0.7379
17	ibu bapa perlu peka pencapaian akademik anak		1	9	4.5	0.7071
18	program Headcount merupakan salah satu saluran bagi guru mendidik murid secara berkesan.	1	4	5	3.4	0.6992
19	program Headcount dapat mengeratkan hubungan guru-ibu bapa	3	6	1	2.9	0.8756
20	program Headcount dapat meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam akademik anak	1	7	2	3.2	0.7888
21	aktiviti yang bersesuaian tahap pencapaian perlu dilaksanakan			10	4	0.000
22	program Headcount membebankan guru	1	2	7	3.9	0.9944
23	saya menyokong pelaksanaan Headcount di sekolah	1	5	4	3.3	0.6749

Berdasarkan Jadual 4.2, kefahaman guru tentang pelaksanaan program *Headcount* adalah tinggi. Seramai 9 responden melalui maklumat yang didedahkan melalui kajian ini dapat meningkatkan kesedaran tentang program *Headcount* berperanan menguatkan rasa bertanggungjawab meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun, penubuhan jawatankuasa peperiksaan yang ditubuhkan dalam memproses fungsi program *Headcount* telah mengurangkan pendedahan tentang kefahaman prosedur pelaksanaan dengan jelas. Seramai 5 responden memberi reaksi positif terhadap prosedur pelaksanaan program *Headcount*. Melalui perbincangan, ramai antara responden menyuarakan cadangan dengan merumuskan prosedur lengkap dalam bentuk carta aliran supaya membolehkan mereka memahami fungsi yang dijalankan oleh jawatankuasa peperiksaan.

Sungguhpun pada pandangan para responden setuju bahawa melalui program *Headcount* murid sedar kepentingan kecemerlangan dalam pencapaian akademik namun tindak balas murid tidak menunjukkan reaksi yang positif. Seramai 3 orang responden setuju dengan kesungguhan murid dalam pembelajaran. Murid bukan sahaja perlu didedahkan data *Headcount* malahan juga perlu dibimbing cara meningkatkan pencapaian murid. Murid perlu ubah sikap pemikiran dalam pembelajaran dimana guru berperanan sebagai fasilitator manakala mereka perlu melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pelajar.

Untuk mengurus pelaksanaan *Headcount* dengan berkesan, penglibatan murid, pihak pengurusan dan guru adalah penting. Pihak pengurusan perlu memantau data diuruskan selepas setiap kali ujian dijalankan. Pihak pengurusan perlu mendedahkan maklumat kepada guru-guru selepas analisis data markah murid dengan segera supaya guru-guru mengambil tindakan terhadap kelemahan murid dan membimbing murid yang bersemangat rendah dalam pembelajaran.

Sekolah kajian ini mempunyai bilangan purata seramai 42 orang murid dalam kelas. Tindakan susulan yang perlu diambil terhadap kegagalan pencapaian sasaran dalam pelaksanaan program *Headcount* menyebabkan sokongan responden terhadap program ini adalah rendah. Ini kerana tindakan membaiki kelemahan murid yang ramai dalam sekelas sungguh mencabar. Di antara responden juga meluahkan perasaan

tentang sikap ibu bapa yang tidak menggalakkan terhadap pelaksanaan program *Headcount*. Guru telah membantu murid menetapkan sasaran pembelajaran namun sikap ibu bapa yang tidak memotivasi anak berusaha menuju sasaran yang ditetapkan. Wujud jurang sasaran pencapaian yang diminta antara ibu bapa dan guru. Ini jelas dilihat di kalangan murid ibu bapa pada tahap satu terutama murid tahun 1 dan tahun 2. Murid ibu bapa pada tahap ini berpendapat bahawa anak mereka pada tahap sedang mengalami penyesuaian diri dalam suasana pembelajaran format, maka sasaran pembelajaran tidak harus ditetapkan.

#### 4.2 Analisis Bahagian A – Latar Belakang Responden

Bahagian ini mengandungi tujuh soalan berkaitan dengan maklumat latar belakang responden. Soalan-soalan ini merangkumi jantina, umur, status perkahwinan, pengalaman mengajar, bilangan bidang yang diajar dan kelayakan iktisas. Analisis data yang diperolehi ini dianalisis dalam bentuk frekuensi dan peratus. Data-data yang disebarkan dalam bentuk jadual dapat menggambarkan corak populasi bagi sekolah yang dikaji. Jadual 4.2 hingga jadual 4.8 menunjukkan taburan latar belakang responden.

**Jadual 4.3 : Taburan Respoden Mengikut Jantina**

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	12	12.0
Perempuan	88	88.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut jantina bagi sampel yang dikaji. Terdapat 12 orang responden atau 12.0 peratus terdiri daripada guru lelaki dan 88 orang atau 88.0 peratus adalah guru perempuan.

**Jadual 4.4 : Taburan Responden Mengikut Umur**

<b>Umur</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
21 – 25 tahun	25	25.0
26 – 30 tahun	30	30.0
31 – 35 tahun	15	15.0
36 – 40 tahun	18	18.0
41 – 45 tahun	8	8.0
46 – 50 tahun	3	3.0
51 – 56 tahun	1	1.0

Jadual 4.4 menunjukkan taburan responden mengikut umur dalam sampel kajian ini. Golongan guru yang terbanyak dalam sekolah kajian ini adalah mereka yang berusia di antara 26 - 30 tahun. Ini dikuti oleh bilangan guru seramai 25 orang yang berusia 21 – 25 tahun. Seramai 15 orang guru berusia 31 – 35 tahun manakala 18 orang guru berusia 36 – 40 tahun. Jadual ini juga menunjukkan seramai 8 orang responden adalah berusia 41 – 45 tahun dan 3 orang responden adalah berusia 46 – 50 tahun. Hanya seorang responden yang berusia 51 – 56 tahun.

**Jadual 4.5 : Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan**

<b>Status</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Bujang	45	45.0
Berkahwin	55	55.0
Jumlah	100	100.0

Jadual yang ditunjukkan di atas menunjukkan taburan responden mengikut status perkahwinan. Seramai 45.0 peratus responden masih bujang manakala 55.0 peratus responden telah berkahwin.

**Jadual 4.6 : Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar**

<b>Pengalaman</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Bawah 5 tahun	40	40.0
6 – 10 tahun	27	27.0
11 – 15 tahun	24	24.0
16 – 20 tahun	5	5.0
Atas 20 tahun	4	4.0

Jadual 4.6 menunjukkan taburan responden mengikut pengalaman mengajar. Responden yang mengajar di bawah 5 tahun adalah seramai 40 orang guru. Bagi responden yang mengajar 6 – 10 tahun ialah seramai 27 orang dan seramai 24 orang responden mempunyai 11 – 15 tahun pengalaman mengajar. Seramai 5 orang responden mempunyai 16 – 20 tahun pengalaman mengajar. Hanya 4 orang responden mempunyai pengalaman mengajar yang melebihi 20 tahun.

**Jadual 4.7 : Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik**

<b>Kelulusan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
SPM	38	36.0
STPM	45	43.0
Ijazah / Sarjana Muda	16	16.0
Sarjana	1	1
Jumlah	100	100.0

Jadual 4.7 menunjukkan taburan responden mengikut kelulusan akademik. Responden yang kelulusan STPM merupakan kekerapan yang tertinggi bagi sampel kajian ini iaitu seramai 45 orang dan diikuti kelulusan SPM seramai 38 orang responden. Seramai 16 orang responden mempunyai kelulusan sarjana muda. Hanya seorang responden dalam kajian sampel ini mempunyai kelulusan sarjana.

**Jadual 4.8 : Taburan Responden Mengikut Bilangan Bidang yang diajar**

<b>Bilangan bidang diajar</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Satu mata pelajaran	19	19.0
Dua mata pelajaran	51	51.0
Tiga mata pelajaran	30	30.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 4.8 menunjukkan taburan responden mengikut bilangan bidang yang diajar. Bidang yang diajar merujuk kepada mata pelajaran yang diuji dalam UPSR iaitu Bahasa Cina, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Terdapat hanya 19 orang guru hanya khusus dalam mengajar satu mata pelajaran UPSR. Responden yang mengajar dua mata pelajaran merupakan bilangan yang terbanyak iaitu seramai 51 orang. Responden yang mengajar tiga mata pelajaran UPSR adalah seramai 30 orang sahaja.

**Jadual 4.9 : Taburan Responden Mengikut Kelayakan Ikhtisas**

<b>Kelayakan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
GSTT	16	16.0
Diploma Pendidikan	83	83.0
Sarjana Muda	1	1.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 4.9 menunjukkan taburan responden mengikut kelayakan ikhtisas. Daripada jadual yang diperolehi, responden yang mempunyai Diploma Pendidikan adalah seramai 83 orang. Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) mempunyai seramai 16 orang dan hanya seorang guru mempunyai kelayakan Sarjana Muda dalam pendidikan.

### 4.3 Analisis Persoalan Kajian

Dapatan dalam Bahagian B merupakan hasil yang diperoleh berdasarkan persoalan kajian yang dikemukakan dalam Bab I. Ia meliputi analisis terhadap dapatan menjawab item-item dalam set soal selidik. Analisis berdasarkan empat persoalan dalam objektif kajian ini iaitu :

- i. Mengetahui persepsi guru terhadap faedah pelaksanaan program *Headcount* .
- ii. Mengetahui persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* bagi pihak pentadbir.
- iii. Mengenalpasti persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* bagi pelajar.
- iv. Mengetahui persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* bagi ibu bapa.

Untuk membuat mengkategorikan data dalam bentuk ringkas bagi melambangkan sesuatu pola, penyelidik telah membahagikan dapatan data setiap pembolehubah pada tahap tertentu. Hasil kajian ditunjukkan dalam bentuk statistik deskriptif.

Berdasarkan sumber dari Jawatankuasa Pembangunan Diri Pelajar, UTM (1999/2000), skor min dapat dikelaskan mengikut tiga tahap status seperti di bawah :

Jadual 4.10 : Pengkelasan Skor Min dan Status

Skala	Pengiraan Sela Skala	Status
1 hingga 2.33	$\frac{5-1}{3} = 1.333$	Rendah
2.34 hingga 3.66		Sederhana
3.67 hingga 5.00		Tinggi

### 4.3.1 Analisis Persoalan Kajian 1

Jadual 4.11 : Taburan Responden Mengikut Peratus dan Min bagi persepsi guru faedah pelaksanaan program *Headcount* pada diri.

	<b>Respon</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>Min</b>
	<b>Pernyataan Item</b>	<b>f %</b>	<b>f %</b>	<b>f %</b>	<b>(Tahap)</b>
1	Melalui pelaksanaan program <i>Headcount</i> , saya dapat mengurus data markah dengan baik	9	14	77	3.72 (Tinggi)
2	Saya memahami objektif program <i>Headcount</i>	1	27	72	3.79 (Tinggi)
3	Saya dapat memahami istilah item program <i>Headcount</i>	3	39	58	3.63 (Sederhana)
4	Saya dapat menganalisis pencapaian murid melalui program <i>Headcount</i>	9	10	81	3.80 (Tinggi)
5	Saya menggunakan keputusan data <i>Headcount</i> dalam merancang P & P	13	33	54	3.42 (Sederhana)
6	Pelaksanaan program <i>Headcount</i> menyebabkan saya berasa tertekan	18	32	50	3.40 (Sederhana)
7	Pihak pengurusan memberi sokongan dalam pelaksanaan program <i>Headcount</i>	11	15	74	3.69 (Tinggi)
8	Pelaksanaan program <i>Headcount</i> menyebabkan saya lebih peka terhadap kelemahan murid	9	30	61	3.57 (Sederhana)
9	Saya dapat menyiapkan kerja pemprosesan data <i>Headcount</i> dalam masa yang ditetapkan.	2	6	92	4.06 (Tinggi)
10	Saya dapat berkongsi pendapat tentang pencapaian murid sesama guru dalam melaksanakan program <i>Headcount</i>	11	24	65	3.60 (Sederhana)
	<b>Purata Min Keseluruhan</b>				3.67 (Tinggi)

Jadual 4.11 menunjukkan analisis terhadap persoalan kajian pertama iaitu persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* pada diri. Analisis menunjukkan min yang tertinggi sekali ialah 4.06 bagi item 9 yang mengatakan “saya dapat menyiapkan kerja pemprosesan data *Headcount* dalam masa yang dilaksanakan.” Ini menunjukkan perisian program *Headcount* telah memudahkan seramai 92.0 peratus guru dapat menyiapkan data pada masa yang ditetapkan.

Nilai min bagi item 4 “saya dapat menganalisis pencapaian murid melalui *Headcount*” iaitu 3.80 di mana seramai 81 peratus responden dalam kajian ini menyetujui bahawa program *Headcount* membolehkan mereka menganalisis pencapaian murid. Hanya 9 peratus responden tidak setuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan ramai guru dapat mengaplikasi fungsi utama dalam program *Headcount*.

Pernyataan “ melalui pelaksanaan program *Headcount*, saya dapat mengurus data markah dengan baik” dan “saya memahami objektif program *Headcount*” menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 3.72 dan 3.79. Sebanyak 77 peratus responden dapat mengurus data markah dengan baik dan sejumlah 72 peratus memahami objektif program *Headcount*. Ini menunjukkan penting bagi seorang guru memahami objektif program *Headcount* dan seterusnya menjayakan pengurusan markah murid dengan data *Headcount*.

Item 6 “ pelaksanaan program *Headcount* menyebabkan saya berasa tertekan” menunjukkan nilai min yang paling rendah dalam persoalan kajian ini iaitu 3.40. Sungguhpun nilai min ini merupakan nilai min sederhana namun data ini juga menjelaskan bahawa seramai 50.0 peratus responden berasa tertekan dengan program *Headcount* kerana data markah murid yang digunakan dalam program *Headcount* sering dikaitkan usaha mereka dalam meningkatkan pencapaian pelajar.

Nilai min kedua rendah ialah item 5 “saya menggunakan keputusan program *Headcount* dalam merancang P & P” iaitu 3.42. Sebanyak 13 peratus responden tidak setuju dan 33 peratus responden tidak pasti. Ini menunjukkan seramai 54 peratus responden menggunakan keputusan data *Headcount* dalam merancang P & P.

Purata keseluruhan bagi persoalan kajian tentang pelaksanaan program *Headcount* bagi diri guru masih tinggi iaitu 3.67. Ini menunjukkan ramai guru menyetujui tentang faedah program *Headcount* kepada mereka.

### 4.3.2 Analisis Persoalan Kajian 2

Jadual 4.12 : Taburan Responden Mengikut Peratus dan Min bagi persepsi guru terhadap faedah keberkesanan pelaksanaan program *Headcount* bagi pihak pentadbir.

	<b>Respon</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>Min</b>
	<b>Pernyataan Item</b>	<b>f %</b>	<b>f %</b>	<b>f %</b>	<b>(Tahap)</b>
11	program <i>Headcount</i> membantu dalam pencapaian matlamat sekolah	9	30	61	3.50 (Sederhana)
12	program <i>Headcount</i> dapat mengesan masalah pembelajaran murid	12	24	64	3.54 (Sederhana)
13	program <i>Headcount</i> memudahkan pihak pengurusan menetapkan sasaran.	8	18	74	3.68 (Tinggi)
14	program <i>Headcount</i> berkesan sebagai panduan dalam perancangan tahunan	12	43	45	3.36 (Sederhana)
15	program <i>Headcount</i> merangsang guru memilih strategik yang sesuai untuk meningkatkan pencapaian akademik	8	35	57	3.49 (Sederhana)
16	program <i>Headcount</i> dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru	9	44	47	3.39 (Sederhana)
17	pelaksanaan program <i>Headcount</i> membolehkan kerjasama antara guru ditingkatkan.	12	45	42	3.30 (Sederhana)
18	program <i>Headcount</i> membantu melaksanakan program pengayaan dan pemulihan	9	36	55	3.50 (Sederhana)
	<b>Purata Min Keseluruhan</b>				<b>3.48</b> <b>(Sederhana)</b>

Berdasarkan Jadual 4.12, hanya item “*Headcount* memudahkan pihak pengurusan menetapkan sasaran” mempunyai nilai min yang tinggi bagi persoalan kajian ini. Seramai 74 peratus responden bersetuju bahawa program *Headcount* dapat memudahkan pihak pengurusan menetapkan sasaran. Seramai 8 peratus tidak setuju dan 18 peratus tidak pasti dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan sebahagian guru tidak dapat mengenalpasti faedah program *Headcount* kepada pihak pengurusan dalam penentuan sasaran.

Nilai min yang terendah bagi persoalan kajian ini ialah item 17 “pelaksanaan program *Headcount* membolehkan kerjasama dengan guru ditingkatkan”. Seramai 42 peratus responden setuju manakala 45 peratus responden tidak setuju. Ini menunjukkan kerjasama antara guru perlu ditingkatkan melalui pelaksanaan program *Headcount*.

Pernyataan “program *Headcount* berkesan sebagai panduan dalam perancangan tahunan” bagi item 14 adalah nilai min kedua terendah iaitu 3.36. Data ini menjelaskan bahawa analisis data *Headcount* semasa selepas setiap ujian boleh mempengaruhi pelaksanaan program yang sesuai dalam tahunan itu. Maka seramai hanya 45 peratus setuju dengan pernyataan ini.

Nilai min purata keseluruhan bagi persoalan kajian ini adalah sederhana iaitu 3.48. Ini menunjukkan persepsi guru terhadap faedah pelaksanaan program *Headcount* bagi pihak pengurusan adalah kurang.

### 4.3.3 Analisis Persoalan Kajian 3

Jadual 4.13 : Taburan Responden Mengikut Peratus dan Min bagi persepsi guru terhadap faedah pelaksanaan program *Headcount* bagi pelajar.

	<b>Respon</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>Min</b>
	Pernyataan Item	<b>f %</b>	<b>f %</b>	<b>f %</b>	(Tahap)
19	Melalui program <i>Headcount</i> ,murid lebih memahami sasaran pencapaian sekolah	18	54	28	3.07 (Sederhana)
20	Murid dapat memahami istilah item program <i>Headcount</i> .	43	45	12	2.63 (Sederhana)
21	Murid mengetahui tahap pencapaian semasa.	14	40	46	3.31 (Sederhana)
22	Murid dapat menentukan sasaran pencapaian mereka	25	43	32	3.06 (Sederhana)
23	Murid sentiasa berusaha mencapai sasaran peningkatan yang ditetapkan	25	51	24	3.00 (Sederhana)
24	program <i>Headcount</i> menyebabkan murid sering berhubung guru tentang masalah	23	47	30	3.13 (Sederhana)

	akademik mereka				
25	Murid bertanggungjawab atas prestasi dan pencapaian diri	22	46	32	3.15 (Sederhana)
26	Murid menyertai program pemulihan yang dirancang dengan pemantauan guru	11	41	48	3.37 (Sederhana)
	<b>Purata Min Keseluruhan</b>				<b>3.09 (Sederhana)</b>

Jadual 4.13 menunjukkan hasil persoalan ketiga iaitu persepsi guru terhadap faedah program *Headcount* bagi pelajar. Berdasarkan nilai min yang menunjukkan semua item soalan ialah nilai sederhana. Faedah *Headcount* bagi pelajar dari sudut pandangan guru adalah kurang berkesan.

Hanya 12 peratus responden setuju dengan item 20 iaitu “murid dapat memahami istilah item”. Sejumlah 45 peratus responden tidak pasti murid faham dengan istilah item program *Headcount*. Pelaksanaan program *Headcount* hanya dikelolakan selama lebih kurang dua tahun. Keberkesanan murid untuk memahami dan menghayati istilah masih kurang memuaskan. Penekanan kefahaman istilah lebih ditujukan kepada murid tahap dua sahaja.

Persepsi guru terhadap item 23 iaitu “murid sentiasa berusaha mencapai sasaran peningkatan yang ditetapkan mempunyai nilai min kedua terendah. Seramai 51.0 peratus responden menyatakan tidak pasti kerana keraguan terhadap kesediaan pelajar dengan program *Headcount*. Hanya 24 peratus responden setuju manakala 25 peratus responden tidak setuju dengan item ini.

Nilai purata min keseluruhan bagi kajian persoalan ini menjangkau nilai 3.09 iaitu nilai sederhana sahaja. Ini menunjukkan majoriti guru tidak berpuas hati dengan faedah *Headcount* bagi pelajar. Sepatutnya majoriti murid harus menghayati dan memahami kepentingan program *Headcount* dapat membantu mereka menyasarkan matlamat pencapaian mereka dalam akademik.

#### 4.3.4 Analisis Persoalan Kajian 4

Jadual 4.14 : Taburan Responden Mengikut Peratus dan Min bagi persepsi guru terhadap faedah pelaksanaan program *Headcount* bagi ibu bapa.

	<b>Respon</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>Min</b>
	Pernyataan Item	<b>f</b> <b>%</b>	<b>f</b> <b>%</b>	<b>f</b> <b>%</b>	(Tahap)
27	Ibu bapa prihatin terhadap pencapaian akademik murid	17	52	31	3.17 (Sederhana)
28	Ibu bapa memahami kepentingan program <i>Headcount</i> .	48	47	5	2.47 (Sederhana)
29	Ibu bapa memberi kerjasama menangani masalah pembelajaran murid	23	49	28	3.01 (Sederhana)
30	Ibu bapa hadir bersama sekiranya diajak berbincang pencapaian akademik anak mereka	12	48	40	3.25 (Sederhana)
31	Ibu bapa membantu anak menentukan sasaran pembelajaran	21	57	22	2.97 (Sederhana)
32	Ibu bapa berinsiatif menghubungi guru tentang perkembangan akademik anak mereka.	28	51	21	2.91 (Sederhana)
<b>Purata Min Keseluruhan</b>					<b>2.96</b> <b>(Sederhana)</b>

Jadual 4.14 menunjukkan analisis terhadap persepsi guru tentang faedah pelaksanaan program *Headcount* bagi ibu bapa. Analisis menunjukkan nilai min yang tertinggi sekali ialah 3.25 bagi item 30 yang menyatakan “ibu bapa hadir bersama sekiranya diajak berbincang pencapaian akademik anak mereka”. Ini menunjukkan seramai 40 peratus responden setuju ibu bapa sedia berbincang masalah akademik anak dengan guru.

Nilai min bagi item 28 adalah nilai terendah iaitu 2.47 di mana hanya seramai 5 peratus responden setuju dengan ibu bapa memahami kepentingan *Headcount*. Ramai responden iaitu 48.0 peratus tidak setuju tentang ibu bapa dapat memahami kepentingan program *Headcount*.

Nilai purata min keseluruhan bagi persoalan kajian ini berbanding dengan persoalan lain adalah terendah. Ini menunjukkan ibu bapa kurang memberi respon yang menggalakkan terhadap pelaksanaan program *Headcount*.


#### 4.4 Analisis Dokumen

Analisis yang dilakukan ke atas dokumen ini adalah berpandukan pencapaian kelulusan murid tahun 6 pada tahun 2007 bagi sekolah kajian kerana pelbagai usaha peningkatan pencapaian lebih ditujukan kepada murid tahun 6 yang menduduki peperiksaan awam. Dokumen ini juga mendedahkan maklumat tentang aplikasi program *Headcount* bagi membantu sekolah kajian ini mencapai sasaran.

Jadual 4.15 : Pencapaian kelulusan murid tahun 6 pada tahun 2007

	<b>BM PEM</b>	<b>BM PEN</b>	<b>BI</b>	<b>MT</b>	<b>SN</b>	<b>BC PEM</b>	<b>BC PEN</b>
<b>TOV</b>	76	70.09	76.52	97.57	95.3	95.48	92.35
<b>UPPM 1</b>	62.8	49.7	71.6	87.6	89.6	95.9	86.4
<b>UPPM 2</b>	71.8	59	77.5	89.3	90.5	95.6	93.9
<b>PER.UPSR</b>	64.69	62.99	82.31	90.61	78.4	92.49	92.66
<b>UPPM 3</b>	74.96	69.51	87.86	93.53	94.37	96.06	90.75
<b>ETR</b>	80	80	80	98	97	97	95

Sumber : Jawatankuasa Peperiksaan Sekolah Kajian, 2007



Rajah 4.1 : Pencapaian kelulusan murid tahun 6 pada tahun 2007

Sumber : Jawatankuasa Peperiksaan Sekolah Kajian, 2007

Berdasarkan Jadual 4.15 dan graf 4.1 ini menunjukkan perbandingan nilai setiap kali ujian dengan nilai TOV (nilai mula) dan nilai ETR (nilai sasaran). Perbandingan ini jelas menunjukkan bahawa wujud perbezaan ketara nilai ujian dengan nilai TOV dan nilai ETR bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam kertas penulisan dan kertas pemahaman. Ini menunjukkan sekolah kajian ini perlu menfokuskan usaha-usaha melaksanakan program-program peningkatan pencapaian dalam Bahasa Malaysia.

Kekuatan sekolah kajian ini adalah dalam mata pelajaran Bahasa Cina, Matematik dan Sains. Sekolah kajian ini tidak mengabaikan budaya cemerlang dalam ketiga-tiga mata pelajaran ini. Penetapan sasaran kelulusan ketiga-tiga mata pelajaran adalah melebihi 90 peratus.

## 4.5 Analisis Temubual

### 4.5.1 Transkrip sesi temubual dengan Guru Penolong Kanan, Guru Panitia dan Wakil Ibu bapa.

**Berikut merupakan hasil temubual daripada sesi temu ramah yang telah diadakan bersama Guru Penolong Kanan 1 (GPK 1) sekolah kajian.**

Penyelidik : Selamat pagi, puan.

GPK 1 : Selamat pagi.

Penyelidik : Terima kasih kerana puan sudi meluangkan masa untuk sesi temu bual saya.

GPK 1 : Sama-sama. Harap dapat membantu penyelidikan saudara.

Penyelidik : Soalan pertama saya, apakah pandangan puan terhadap pelaksanaan program *Headcount*?

GPK 1 : Program *Headcount* merupakan suatu sistem analisis peperiksaan untuk mendapatkan data atau maklumat tentang pencapaian setiap murid. Pelaksanaan program *Headcount* penting sebagai pendekatan untuk mengenalpasti potensi pencapaian setiap murid dalam peperiksaan.

Penyelidik : Bolehkah puan jelas pelaksanaan program *Headcount* dalam sekolah ini?

GPK 1 : Pelaksanaan program *Headcount* dalam sekolah ini diuruskan oleh Jawatankuasa Peperiksaan. Sebagai ketua penyelarasan dalam jawatankuasa ini, saya telah mendapat kerjasama yang erat dari semua ahli jawatankuasa. Selain itu, jawatankuasa peperiksaan ini juga mendapat sokongan teknikal dari pasukan ICT dalam sekolah ini. Kerjasama antara setiap warga sekolah menyebabkan kami dapat memenuhi keperluan Pejabat Pelajaran Daerah dalam pemprosesan data keputusan peperiksaan dalam masa yang ditetapkan.

- Penyelidik : Adakah ibu bapa memahami pelaksanaan program *Headcount* di sekolah ini?
- GPK 1 : Program *Headcount* mula diperkenalkan sejak tahun 2006 oleh bekas Pengarah Pelajaran Johor, Encik Jailani Bin Rusni. Sungguhpun pihak sekolah telah menjelaskan pelaksanaan program *Headcount* dalam Mesyuarat Agung PIBG, namun hasil tindak balas dari ibu bapa kurang menggalakkan. Kehadiran ibu bapa dalam mesyuarat adalah kurang memuaskan. Ini menghadkan kefahaman ibu bapa tentang konsep program *Headcount* yang dilaksanakan dalam sekolah ini. Dalam situasi ini, ibu bapa tidak dapat memainkan peranan penting mereka dalam membantu anak mereka menentukan sasaran pencapaian dalam pembelajaran dan mengubah sikap keinginan cemerlang dalam pencapaian pelajar.
- Penyelidik : Bagaimana pula reaksi yang diberikan oleh guru-guru?
- GPK 1 : Semua guru menerima pelaksanaan program *Headcount* dengan baik. Cuma ada setengah guru yang menghadapi masalah teknikal dalam memasukkan data markah murid. Guru perlu mematuhi setiap langkah dalam sistem perisian khas yang ditetapkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah. Selain itu, guru juga menghadapi masalah dalam membantu pelajar menentukan nilai tambah pencapaian bagi menetapkan sasaran keputusan akhir yang diharapkan (ETR) pada awal tahun kerana guru baru mula mengenal anak murid mereka pada tahun persekolahan yang baru. Setiap guru mata pelajaran bertanggungjawab menentukan nilai mula kerja (TOV) bagi muridnya berdasarkan keputusan peperiksaan tahun akhir, tahun sebelumnya.
- Penyelidik : Apakah peranan yang dimainkan oleh panitia mata pelajaran dalam pelaksanaan program *Headcount* ini?
- GPK 1 : Dalam mesyuarat panitia mata pelajaran yang pertama, semua panitia mata pelajaran perlu menentukan pencapaian tahun terbaik mata pelajarannya dalam peperiksaan UPSR sebagai asas penentuan ETR bagi sekolah. Melalui mesyuarat ini, panitia mata pelajaran juga akan

menentukan gred purata, peratus bilangan murid lulus dan peningkatan peratus bilangan mendapat A. Selepas itu, guru panitia perlu mengadakan mesyuarat dengan guru-guru mata pelajaran setiap kelas bagi menentukan TOV dan ETR setiap kelas. Guru mata pelajaran perlu mengisi TOV dan ETR setiap murid mengikut kelas.

- Penyelidik : Adakah penerangan tentang program *Headcount* diberikan kepada pelajar ?
- GPK 1 : Setiap pelajar diberi penerangan tentang program *Headcount* pada awal tahun. Semua pelajar tahu ETR dan TOV setiap mata pelajaran. Selepas mengadakan ujian formatif (Ujian bulanan) dan Sumatif (peperiksaan semester I dan semester II atau peperiksaan percubaan), guru mata pelajaran akan menganalisis pencapaian pelajar dan mentaksir kelemahan pelajar. Pelajar yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan akan mengikuti program pemulihan.
- Penyelidik : Adakah analisis program *Headcount* ini berkesan membantu puan dalam pengurusan akademik murid, terutamanya murid tahun enam yang menghadapi UPSR ?
- GPK 1 : Saya amat mengambil berat terhadap pencapaian setiap kali ujian bagi murid tahun enam. Melalui program *Headcount*, saya mudah memperolehi data tentang pencapaian markah setiap murid dalam setiap kelas. Saya boleh mendapat senarai markah 'near-miss' cemerlang dan 'near-miss' menguasai melalui sistem perisian program *Headcount*. Tanpa sistem ini saya sukar mendapat maklumat yang tepat tentang pencapaian akademik seramai 591 orang calon murid tahun ini.
- Penyelidik : Pada pandangan puan, adakah pelaksanaan program *Headcount* ini membebaskan para guru?
- GPK 1 : Tidaklah membebaskan sangat. Cuma guru-guru mengatakan mereka perlu mematuhi setiap langkah-langkah pelaksanaan program *Headcount* dengan betul. Kadangkala ada guru yang lambat memproses data markah murid telah menyukarkan guru yang memasuki data dalam sistem perisian program *Headcount*. Ini boleh menyebabkan

jawatankuasa peperiksaan mempunyai masa yang suntuk melengkapkan laporan keputusan peperiksaan dihantar ke Pejabat Pelajaran Daerah.

Penyelidik : Baiklah puan, nampaknya ini sahaja soalan dari saya. Terima kasih di atas kerjasama puan dan minta maaf sekiranya sesi ini mengganggu kelapangan masa puan .

GPK 1 : Sama-sama.

**Berikut merupakan hasil temubual daripada sesi temu ramah yang telah diadakan bersama Guru Panitia Bahasa Inggeris sekolah kajian.**

Penyelidik : Selamat pagi, Cik Emily.

Guru Panitia : Selamat pagi.

Penyelidik : Terima kasih kerana saudara sudi meluangkan masa untuk sesi temu ramah ini.

Guru Panitia : Sama-sama.

Penyelidik : Saya ingin memulakan soalan pertama, apakah kepentingan program *Headcount* bagi meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran?

Guru Panitia : Berdasarkan analisis pencapaian UPSR beberapa tahun yang lepas, Bahasa Inggeris seperti Bahasa Malaysia merupakan mata pelajaran yang lemah dikuasai oleh murid-murid dalam sekolah ini. Maka dengan pelaksanaan program *Headcount*, saya mudah mengesan pencapaian setiap murid terutamanya murid tahun enam. Ini penting bagi saya memikirkan strategik bagi meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran ini.

Penyelidik : Sebagai Guru Panitia Bahasa Inggeris, apakah peranan yang saudara mainkan dalam pelaksanaan program *Headcount*?

Guru Panitia : Pada awal tahun, selepas mesyuarat panitia pertama yang diadakan, panitia Bahasa Inggeris akan merangka program-program peningkatan prestasi UPSR berdasarkan ETR sekolah yang ditentukan. Kami akan merancang program yang berpandukan sasaran sekolah iaitu

peningkatan bilangan cemerlang A dan bilangan lulus dalam Bahasa Inggeris. Pada tahun ini, sasaran kelulusan UPSR sekolah ini ialah 80%.

Penyelidik : Bolehkan saudara jelaskan program-program yang dilaksanakan dalam sekolah ini?

Guru Panitia : Guru Besar kami telah banyak memberi tunjuk ajar kepada kami. Sejak beliau berada di sini, kami telah melaksanakan banyak program untuk meningkatkan prestasi dan minat belajar Bahasa Inggeris. Selain kelas tambahan dan kelas motivasi yang dijalankan, sekolah ini juga mengadakan program-program seperti Kem Galus bagi murid yang lemah dalam penguasaan, Kem Target A untuk membantu pelajar mencapai 7A, Kem Bahasa Inggeris untuk membantu pelajar dalam teknik menjawab soalan dan Minggu Bahasa Inggeris.

Penyelidik : Adakah penentuan ETR melalui program *Headcount* membebankan tugas saudara?

Guru Panitia : Pada mulanya, ETR yang perlu ditentukan dalam program *Headcount* amat membebankan kerana bimbang dan takut tidak dapat mencapai sasaran yang ditentukan. Setiap kali selepas ujian atau peperiksaan dijalankan, saya akan risau terhadap pencapaian murid dalam Bahasa Inggeris. Jika pencapaian tidak menggalakkan, saya dan guru mata pelajaran ini perlu berbincang bersama-sama untuk mencari punca masalah dan cara penyelesaian kelemahan penguasaan murid. Namun, data *Headcount* menjadi sumber baik untuk saya dan rakan seperjuangan ini untuk mendapat gambaran keseluruhan tentang pencapaian murid dalam setiap kelas dan ini memudahkan kami mencari punca masalah.

Penyelidik : Bagaimanakah penentuan ETR dapat mengubah sikap pembelajaran murid?

Guru Panitia : Perubahan sikap pembelajarn murid tidak begitu jelas pada murid yang tidak menghadapi peperiksaan awam iaitu murid tahun 1 hingga tahun 5. Namun, penekanan yang diberikan kepada murid tahun enam dapat lihat dari sikap mereka ingin berjaya dalam UPSR.

- Penyelidik : Pada pandangan saudara, adakah program *Headcount* yang dilaksanakan membantu sekolah mencapai kecemerlangan?
- Guru Panitia : Memang tidak dapat dinafikan program *Headcount* dapat membantu penentuan sasaran kecemerlangan sekolah, malahan menjadi suatu motivasi dan dorongan untuk guru dan murid berusaha menuju ke arah kejayaan.
- Penyelidik : Saya rasa cukuplah sesi temu bual hari ini, terima kasih.
- Guru Panitia : Sama-sama.

**Berikut merupakan hasil temubual daripada sesi temu ramah yang telah diadakan bersama seorang ibu yang merangkap Bendahari PIBG di sekolah kajian.**

- Penyelidik : Selamat pagi, Puan Goh.
- Puan Goh : Selamat pagi.
- Penyelidik : Terima kasih kerana puan sudi meluangkan masa untuk sesi temu ramah ini.
- Puan Goh : Sama-sama.
- Penyelidik : Bolehkah saya tahu berapa anak puan menuntut di sekolah ini ?
- Puan Goh : Saya mempunyai dua orang anak belajar di sekolah ini. Anak sulung perempuan belajar tahun enam dan anak lelaki yang kedua belajar di tahun tiga.
- Penyelidik : Saya tahu puan merupakan seorang ibu yang bekerja. Bagaimanakah puan mengimbang antara tanggungjawab ibu dengan pekerjaan puan?
- Puan Goh : Tidak dapat dinafikan hidup di kawasan bandar memaksa saya seperti ramai wanita perlu bekerja di luar. Tetapi saya tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai ibu. Saya amat prihatin terhadap pencapaian anak. Saya sering berbual dengan anak selepas balik dari kerja untuk mengetahui perkembangan mereka di sekolah.
- Penyelidik : Adakah puan sering merujuk guru tentang perkembangan anak di sekolah?

- Puan Goh : Saya jarang merujuk kepada guru mereka. Tetapi saya mempunyai telefon nombor guru darjah mereka.
- Penyelidik : Adakah puan tahu pelaksanaan program *Headcount* di sekolah ini?
- Puan Goh : Saya tahu pelaksanaan program *Headcount* di sekolah melalui perjumpaan ibu bapa dalam Hari Terbuka pada tahun yang lepas. Walaupun pihak pengurusan telah menjelaskan program *Headcount* dalam Mesyuarat PIBG, tetapi saya kurang faham tentang item yang dilaksanakan. Namun saya berpuas hati dengan pihak pengurusan menetapkan sasaran pencapaian sekolah.
- Penyelidik : Pada pendapat puan, apakah peranan yang perlu dimainkan oleh ibu bapa untuk menjayakan sasaran sekolah ?
- Puan Goh : Sebagai ibu atau bapa, kami perlu sering mengambil berat perkembangan akademik anak kami. Ibu bapa perlu bekerjasama dengan sekolah dan anak demi menjamin keberkesanan dan kejayaan yang berkualiti. Ibu bapa tidak harus menyalahkan guru kerana anak tidak mencapai kecemerlangan akademik. Ibu bapa amat penting mendidik anak sejak lahir lagi.
- Penyelidik : Bagaimanakah puan mendidik anak ?
- Puan Goh : Selain pendidikan format dalam sekolah, seorang anak juga perlu menerima pendidikan dalam rumah. Sokongan dan motivasi yang perlu sentiasa diberi kepada anak sehingga membina kesediaan belajar anak yang memarak. Saya sering melayan masalah anak semasa anak meluahkan perasaan tidak puas mereka kepada saya dan saya sedia membantu menyelesaikan masalah mereka. Saya juga berkongsi kegembiraan bersama anak. Ini penting untuk membina perhubungan kasih sayang yang saling memahami dan mempercayai antara anak dengan ibu bapa.
- Penyelidik : Adakah puan menaruh harapan tinggi terhadap kecemerlangan anak dengan menetapkan sasaran ?
- Puan Goh : Saya tidak mensyaratkan kecemerlangan anak, tetapi saya menggalakkan anak bertanggungjawab terhadap kecemerlangan

akademik. Saya telah menyedarkan anak tentang kepentingan pencapaian akademik untuk mencerahkan masa depan mereka. Saya berasa amat bertuah kerana anak sulung saya dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik dan tidak perlu dirisaukan oleh saya. Dia juga sering membantu saya mendidik adiknya sehingga dapat berkongsi beban saya dengan mendidik anak lelaki yang nakal itu.

Penyelidik : Adakah anak puan berkongsi pelaksanaan program *Headcount* dengan puan?

Puan Goh : Anak sulung yang menghadapi UPSR pada tahun ini telah merujuk kepada saya tentang penetapan sasaran pencapaian dalam peperiksaan. Dia kurang yakin dengan sasaran yang ditetapkan oleh guru baginya. Saya pernah mendengar sungutannya tentang harapan tinggi guru terhadap kelas mereka sehingga banyak latih tubi yang diberi oleh guru mereka. Mereka juga perlu mengikuti program-program peningkatan pencapaian.

Penyelidik : Bagaimana puan membantu anak ?

Puan Goh : Saya sering memotivasi anak ini dan membimbingnya supaya berkeyakinan. Saya menggalakkan anak menyertai program-program yang dilaksanakan dalam sekolah. Saya dan semua ahli keluarga menyokongnya menghadiri kelas tambahan cuti sekolah sehingga mengorbankan masa cuti semua ahli keluarga makan angin. Saya telah menjanjikan akan mengadakan satu lawatan yang menarik bagi ahli keluarga pada cuti akhir tahun nanti.

Penyelidik : Adakah anak puan yang kedua juga menghadapi keadaan yang sama?

Puan Goh : Tidak, anak kedua saya tidak menghadapi tekanan seperti kakaknya. Saya tidak menaruh tekanan kecemerlangan baginya kerana dia masih dalam tahap pembelajaran pertama. Ini penting untuk mengekalkan minat pembelajarannya. Namun saya sering berbincang dengan sasaran yang dijanjikan antara saya dengannya. Dia berjanji dengan saya akan mengekalkan pencapaian A dalam mata pelajaran Bahasa Cina dan Matematik dan sekurang-kurang pencapaian B dalam mata pelajaran

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Nilai tambah bagi setiap mata pelajaran tidak ditetapkan oleh saya untuknya.

Penyelidik : Nampaknya puan tidak menghadapi masalah dalam pendidikan anak.  
Anak puan juga menyedari kepentingan akademik.

Puan Goh : Saya amat bangga dengan sikap anak saya.

Penyelidik : Baiklah puan, nampaknya ini sahaja soalan dari saya. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa bersama saya.

Puan Goh : Sama-sama.

#### 4.5.2 Analisis Data Temubual

Inti sari pandangan Guru Penolong Kanan 1, Guru Panitia dan Ibu bapa dirumuskan dalam bentuk jadual untuk memudahkan analisis data temubual terhadap maklumat yang dikemukakan oleh mereka.

**Jadual 4.16** : Jadual menunjukkan Hasil Dapatan Temubual

<b>Bil</b>	<b>Persoalan</b>	<b>Pandangan</b>
1	Pandangan terhadap program <i>Headcount</i>	- sistem analisis data pencapaian peperiksaan murid - pendekatan untuk mengenalpasti potensi pencapaian setiap murid -penentuan sasaran pencapaian murid
2	Peranan pengurusan	- bekerjasama dengan ahli jawatankuasa, guru-guru dan ibu bapa - menyampaikan maklumat program <i>Headcount</i> kepada ibu bapa - memastikan guru-guru dalam pelaksanaan program <i>Headcount</i>

		- murid diberi penerangan lengkap tentang pelaksanaan program <i>Headcount</i> .
3	Reaksi guru-guru	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menerima pelaksanaan program <i>Headcount</i> dengan baik.</li> <li>- menyiapkan data <i>Headcount</i> dalam masa yang ditetapkan</li> <li>- merancang dan melaksanakan program-program peningkatan pencapaian</li> <li>- mencari punca kelemahan murid dan penyelesaian melalui perbincangan dalam mesyuarat</li> <li>- reaksi bimbang terhadap kegagalan murid mencapai sasaran</li> </ul>
4	Reaksi ibu bapa	<ul style="list-style-type: none"> <li>- kurang faham kepentingan program <i>Headcount</i></li> <li>- memotivasi dan membimbing untuk membina keyakinan terhadap sasaran yang ditetapkan.</li> <li>- melayan masalah anak dan membantu menyelesaikan masalah</li> </ul>
5	Reaksi murid	<ul style="list-style-type: none"> <li>- sikap ingin berjaya lebih jelas pada tahun enam.</li> <li>- mengikuti program-program peningkatan pencapaian</li> <li>- kurang yakin terhadap sasaran diri</li> </ul>
5	Faedah <i>Headcount</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- guru dan murid berusaha menuju ke arah kejayaan</li> <li>- mengenalpasti murid yang lemah</li> <li>-program-program dijalankan berdasarkan analisis kelemahan murid dalam</li> </ul>

		<i>Headcount</i>
6	Masalah pelaksanaan <i>Headcount</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>- pelaksanaan program <i>Headcount</i> masih dalam jangka masa pendek</li><li>- kesedaran kepentingan program</li></ul> <p><i>Headcount</i> kurang di kalangan ibu bapa</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- program-program peningkatan pencapaian tidak dapat dijalankan secara menyeluruh untuk semua tahap murid</li></ul>

## **BAB V**

### **RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Penyelidik akan membincangkan dan merumus segala hasil dapatan yang diperolehi daripada penyelidikan yang dibuat. Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan objektif yang dijelaskan dalam Bab I. Selain menggunakan instrumen soal selidik, penyelidik juga menggunakan instrumen analisis dokumen dan temu bual untuk meninjau persoalan penyelidikan secara lebih menyeluruh. Hasil daripada rumusan dan perbincangan ini, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan yang munasabah sebagai rujukan sesuai bagi pihak-pihak yang berminat terhadap tajuk penyelidikan. Hasil ini diharapkan boleh menjadi satu sumber rujukan bagi komuniti pendidikan untuk memahami pelaksanaan *Headcount* dan seterusnya meningkatkan kualiti dalam pengurusan pendidikan. Cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah berdasarkan skop perbincangan bagi penyelidikan ini.

#### **5.1 Rumusan**

Berdasarkan kepada persoalan kajian, penyelidikan ini adalah bertujuan meninjau persepsi guru-guru sekolah rendah terhadap pelaksanaan program *Headcount*

dalam pengurusan akademik pelajar. Sebelum melakukan kajian penyelidikan, penyelidik telah melakukan analisis terhadap seramai 10 orang responden kumpulan fokus untuk meninjau kefahaman responden terhadap *Headcount*. Perbincangan dalam kumpulan fokus juga menjadi bahan rumusan kajian ini. Selepas itu seramai 100 orang responden telah dipilih dari sekolah kajian dengan menggunakan instrumen soal selidik. Maklum balas yang dijawab oleh responden menjadi maklumat penting untuk kajian penyelidikan ini.

Analisis dokumen ke atas pencapaian kelulusan murid tahun 6 pada tahun 2007 bagi sekolah kajian memberi maklumat tentang keadaan *Headcount* yang dilaksanakan dalam sekolah kajian. Selain itu, temubual yang dilakukan dengan Guru Penolong Kanan, Guru Panitia dan wakil ibu bapa telah memberi maklumat yang berguna tentang situasi sebenar dalam sekolah kajian.

Rumusan daripada penyelidikan yang telah dijalankan adalah :

5.1.1 Guru-guru menyokong pelaksanaan *Headcount* dalam sekolah. Mereka juga bersetuju *Headcount* merupakan suatu alat pentadbiran yang berkesan untuk mengesan potensi dan kelemahan murid. Ini penting untuk menjadi satu panduan merancang program peningkatan akademik murid.

5.1.2 Guru-guru berpendapat pihak ibu bapa kurang memberi perhatian terhadap pelaksanaan *Headcount* dalam sekolah. Ibu bapa yang mempunyai anak pada tahap satu memberi reaksi yang tidak menggalakkan untuk membantu anak menetapkan sasaran pencapaian. Namun ibu bapa yang mempunyai anak yang menduduki UPSR memandang serius terhadap sasaran pencapaian yang ditetapkan.

5.1.3 Sokongan pihak pengurusan membolehkan guru-guru dapat menepati masa pengurusan data markah. Pihak pengurusan juga memantau pelaksanaan program selepas analisis terhadap kelemahan murid.

5.1.4 *Headcount* yang dilaksanakan harus dijadikan satu pendekatan mendorong murid ke arah ketanggungjawaban pada diri. Maklumat yang diperolehi melalui analisis *Headcount* harus dijadikan satu rujukan berkesan untuk murid tentang kelemahan diri dalam setiap subjek. Ini penting untuk meningkatkan kesediaan pelajar terhadap pembelajaran.

## 5.2 Perbincangan

Berdasarkan kepada hasil dapatan analisis data yang diperolehi dalam Bab 4, penyelidik melanjutkan perbincangan tentang persoalan yang dikaji. Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau persepsi guru-guru terhadap pelaksanaan *Headcount*. Selain perbincangan tentang latar belakang responden, perbincangan juga berdasarkan objektif penyelidikan, iaitu

- i. Mengetahui persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* pada diri.
- ii. Mengetahui persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* bagi pihak pentadbir.
- iii. Mengenalpasti persepsi guru terhadap pelaksanaan program *Headcount* bagi pelajar.
- iv. Mengetahui persepsi guru tentang pelaksanaan program *Headcount* bagi ibu bapa.

### 5.2.1 Analisis Kumpulan Fokus

Kumpulan fokus seramai 10 orang responden telah memberi sokongan tinggi pelaksanaan program *Headcount*. Kefahaman tentang konsep program *Headcount* penting untuk meningkatkan kesedaran guru terhadap pencapaian akademik murid.

Prosedur-prosedur yang dibentuk dalam bentuk carta aliran dapat memudahkan guru-guru melaksanakan proses pengurusan markah dan seterusnya meningkatkan kecekapan kerja analisis data markah.

Melalui kajian atas pendapat 10 orang responden, reaksi murid terhadap pelaksanaan program *Headcount* adalah tidak menggalakkan. Pihak pengurusan harus mengambil berat terhadap kesungguhan guru terlibat dalam memenuhi permintaan program *Headcount* namun sikap murid-murid tidak menghayati faedah program *Headcount*. Semua murid harus dibimbing dan menguatkan sikap mengejar kecemerlangan dalam akademik sejak menjejakkan kaki dalam arena persekolahan.

Pihak pengurusan memainkan peranan penting dalam memantau prestasi pencapaian murid. Pihak pengurusan harus mendedahkan maklumat analisis pencapaian murid kepada guru-guru secepat mungkin selepas setiap kali ujian. Ini penting untuk guru-guru berbincang di kalangan mereka untuk mencari penyelesaian bagi kelemahan murid dan program pemulihan dilaksanakan berdasarkan kelemahan murid.

Masalah bilangan murid yang ramai dalam kelas dan sikap ibu bapa yang tidak memandang serius terhadap sasaran yang ditetapkan merunsingkan guru terhadap pelaksanaan program *Headcount*. Guru-guru susah menjalankan program pemulihan dalam kumpulan kecil jika ramai murid lemah dalam kelas.

### **5.2.2 Latar Belakang Responden**

Berdasarkan Jadual 4.3 hingga Jadual 4.9 di dalam bab IV adalah mengenai latar belakang responden. Sekolah kajian ini mempunyai bilangan guru perempuan yang tinggi iaitu 88 guru perempuan daripada 100 orang jumlah responden. Sebanyak 55% responden adalah guru muda di bawah umur 30 tahun. Selain itu, seramai 16 responden mempunyai kelulusan Sarjana Muda.

Komposisi sekolah yang terdiri daripada guru yang ramai, berumur muda dan berkelulusan tinggi menghasilkan satu pasukan sekolah yang aktif.

### **5.2.3 Persepsi Guru Terhadap Faedah Pelaksanaan Program *Headcount***

Mok Soon Sang (2002) menyatakan peranan guru penting dalam melakukan pemindahan pembelajaran berlaku daripada kemahiran yang dikuasai dalam pembelajaran lama kepada pembelajaran baru. Ini jelas menunjukkan guru perlu memahami titik penguasaan ilmu murid supaya dapat merancang aktiviti yang sesuai untuk murid. Guru-guru yang memahami objektif program *Headcount* dengan jelas dapat menghayati faedah pelaksanaan program *Headcount*.

Sokongan ICT merupakan salah satu unsur penting dalam pengurusan data bagi membaiki pencapaian murid yang dijelaskan oleh Taylor dan Ryan (2005). Perisian program *Headcount* yang baik dapat mengurangkan masa guru-guru dalam memproses dan menganalisis markah murid. Ini juga dapat mempercepatkan guru-guru menyiapkan data yang diminta oleh pihak pengurusan. Kecekapan perisian *Headcount* membolehkan banyak perkara seperti gred purata, pencapaian peratus penguasaan, bilangan murid yang cemerlang dan lain-lain output mudah dijanakan dan cepat dihasilkan.

Menurut Sharifah Md. Nor (2003), secara realitinya misi sekolah lebih kepada aspek akademik. Maka dengan pelaksanaan program *Headcount* telah menguatkan pemfokusan atas usaha peningkatan pencapaian murid. Guru-guru akan berasa tertekan jika gagal mencapai sasaran yang ditetapkan.

### **5.2.4 Persepsi Guru terhadap Faedah Pelaksanaan Program *Headcount* bagi pihak pentadbir**

Program *Headcount* yang dilaksanakan sepertimana 7 prinsip dijelaskan oleh Wagner dan rakan-rakannya (2006) dapat meningkatkan kepimpinan pengajaran dan pencapaian murid dalam pengurusan sekolah. Pihak pengurusan perlu menggunakan data sebenar yang diproses sebagai sumber utama untuk menetapkan sasaran. Sasaran pencapaian yang ditetapkan harus realistik dan berkongsi visi dengan guru-guru serta murid-murid.

Pihak pengurusan perlu prihatin terhadap nilai min yang rendah bagi sikap kerjasama antara guru-guru. Jawatankuasa kurikulum yang ditubuhkan berfungsi untuk pengurusan peperiksaan telah menghadkan bilangan anggota warga sekolah yang terlibat dalam perbincangan hal kelemahan pencapaian murid. Ini boleh merendahkan semangat kerjasama antara guru-guru. Bilangan guru yang ramai menyukarkan pihak pengurusan menimbang cadangan semua secara menyeluruh dan saksama.

Perancangan tahunan sekolah ditetapkan pada permulaan tahun. Analisis data *Headcount* pula dijalankan selepas setiap kali selepas setiap ujian. Maka pihak pengurusan perlu bertindak merancang program secara fleksibel berdasarkan pencapaian murid semasa.

#### **5.2.5 Persepsi Guru Terhadap Faedah Program *Headcount* Bagi Pelajar**

Murid harus memahami kepentingan penilaian yang dihuraikan oleh Norman (2006) . Penilaian adalah untuk menguji kefahaman pelajar terhadap pelajaran. Hasil penilaian iaitu markah yang dicapai boleh dijadikan satu pengukuran penguasaan murid. Murid perlu memahami faedah program *Headcount* membantu mereka menetapkan sasaran pencapaian.

Murid yang mempunyai sasaran pencapaian dapat memperkembangkan kesedaran terhadap inisiatif diri dalam proses pembelajaran. (Broadfoot, 1986). Menurut pendapat Tengku Azuan (2006), murid yang tiada matlamat diri akan tiada kesungguhan dalam pembelajaran.

Murid perlu dibimbing untuk meningkatkan kesedaran terhadap faedah *Headcount*. *Headcount* bukan harus dijadikan satu pendekatan yang penting untuk murid tahun enam atau untuk murid cemerlang sahaja. Faedah *Headcount* harus dihayati oleh semua murid bahkan murid tahap satu mahupun murid tahap dua.

### **5.2.6 Persepsi guru Tentang Pelaksanaan Program *Headcount* Bagi Ibu Bapa.**

Nilai watak ibu bapa yang disarankan oleh Abdul Rahim (2006) harus ada pada ibu bapa pada zaman kini. Masalah anak dalam pencapaian akademik perlu diberi perhatian oleh ibu bapa. Perbincangan yang sering diadakan antara guru dan ibu bapa membolehkan kedua-dua pihak memahami kelemahan murid dari pelbagai sudut faktor. Ini juga dapat membentuk hubungan yang erat antara kedua-dua pihak. Hubungan erat dapat mengelakkan perselisihan faham dan mewujudkan sokongan terhadap program-program yang dilaksanakan dalam sekolah.

Ibu bapa harus memahami program-program yang dilaksanakan dan peka terhadap kesan bagi perkembangan anak. Peranan ibu bapa bukan hanya berfungsi dalam membentuk budaya rumah tangga yang sihat, malahan mereka juga perlu memahami budaya sekolah yang wujud dalam sekolah. Keraguan anak terhadap penetapan sasaran pencapaian harus dibimbing oleh ibu bapa. Motivasi daripada ibu bapa menguatkan semangat anak mengejar kecemerlangan pembelajaran.

Persepsi guru terhadap peranan ibu bapa yang kurang memberi respon positif perlu ditingkatkan dengan mengadakan lebih banyak peluang komunikasi.

### **5.2.7 Analisis Dokumen**

Analisis atas dokumen jelas menunjukkan keberkesanan program *Headcount* yang dijalankan dalam sekolah kajian. Nilai TOV dan nilai ETR yang realistik ditetapkan menjadi satu panduan untuk mengekalkan kecemerlangan.

### **5.3 Cadangan atau Implikasi Kajian**

Berdasarkan kepada dapatan kajian, beberapa cadangan dikemukakan. Diharapkan cadangan ini dijadikan panduan yang bernilai bagi pihak-pihak yang

berkenaan untuk menilai kesan pelaksanaan program *Headcount* atau dapat meningkatkan kecekapan dalam pengurusan akademik murid.

- 5.3.1** Program *Headcount* mendedahkan aspek perbezaan intelek yang signifikan antara seseorang murid. Dalam mengkaji masalah kelemahan pencapaian tidak harus menfokuskan faktor kognitif yang mempengaruhi perkembangan individu. Untuk mengatasi masalah kelemahan murid perlu dilihat dari skop yang lebih luas tentang aspek perbezaan individu yang meliputi fizikal, emosi, tingkah laku, sosial dan rohani.
- 5.3.2** Pihak pengurusan perlu meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang kepentingan program *Headcount*. Ibu bapa bukan sahaja digalakkan mengunjung ke sekolah pada Hari Terbuka tetapi mereka digalakkan berbincang dengan guru-guru pada masa yang sesuai serta memberi cadangan membaiki kelemahan pencapaian anak.
- 5.3.3** Guru-guru harus sama memikul ketanggungjawaban terhadap kelemahan pencapaian murid dalam sekolah. Guru-guru harus terlibat aktif dengan menyumbang idea bernas dalam mesyuarat perbincangan.
- 5.3.4** Ibu bapa perlu memberi sokongan yang berterusan kepada pihak pengurusan dan guru-guru melakukan perubahan dan pembaharuan demi mencapai sasaran yang ditetapkan. Percanggahan atau perselisihan pendapat perlu diselesaikan menerusi perbincangan bersama.
- 5.3.5** Murid yang tidak bermotivasi untuk belajar, tidak tahu cara belajar dan cara menyelesaikan masalah serta tidak berdisiplin semasa belajar perlu diberi prihatin oleh pihak pengurusan, guru dan ibu bapa.
- 5.3.6** Guru-guru perlu membantu murid-murid menetapkan sasaran pencapaian yang realistik bagi semua mata pelajaran. Murid-murid perlu diberi bimbingan dalam

mengurus data markah sendiri. Murid-murid perlu dimotivasikan wujud nilai tambah dalam setiap ujian.

#### **5.4 Cadangan Kajian Lanjutan**

Hasil dapatan ini boleh dijadikan satu panduan dan petunjuk kepada penyelidikan akan datang. Kajian Lanjutan dilaksanakan untuk mendapatkan dapatan yang lebih menyeluruh dan tekal. Berikut dikemukakan beberapa cadangan yang perlu diberikan perhatian dalam melaksanakan kajian seterusnya. Di antaranya meliputi:

- 5.4.1 Penyelidikan akan datang boleh mengkaji persepsi murid atau ibu bapa terhadap pelaksanaan program *Headcount*. Ini penting menguatkan persepsi dari pelbagai pihak terhadap program *Headcount* yang dilaksanakan.
- 5.4.2 Skop kajian boleh dijalankan dengan lebih luas meliputi semua jenis institusi pendidikan. Hasil output ini boleh dijadikan panduan untuk meningkatkan kualiti pengurusan akademik di semua institusi pendidikan.
- 5.4.3 Penyelidikan program *Headcount* bukan sahaja sesuai digunakan dalam bidang kurikulum tetapi juga sesuai dalam bidang ko-kurikulum.
- 5.4.4 Penyelidikan juga boleh meninjau kesan pelaksanaan program *Headcount* terhadap guru dan murid-murid. Ini penting untuk mengetahui keberkesanan pelaksanaan program *Headcount* yang dijalankan dalam sekolah. Dengan ini diharapkan dapat meningkatkan kecekapan dalam pengurusan akademik pelajar.
- 5.4.5 Penyelidikan juga boleh dilakukan terhadap pelaksanaan program *Headcount* di sekolah rendah dan sekolah menengah. Perbezaan persepsi responden bagi

kedua-dua jenis organisasi boleh dijadikan satu bahan kajian atas perkembangan diri.

## **5.5 Penutup**

Sebagai penutup, penyelidik ingin membuat kesimpulan bahawa penyelidikan yang dijalankan telah dapat menjawab persoalan kajian yang dikemukakan dan mencapai objektif kajian. Hasil daripada penyelidikan telah membuktikan bahawa guru-guru memberi reaksi positif terhadap pelaksanaan program *Headcount*. Pada pandangan guru-guru, Program *Headcount* memang mendatangkan faedah kepada pihak pengurusan dalam mengurus pencapaian akademik murid. Namun penglibatan dan kefahaman ibu bapa terhadap program *Headcount* kurang menggalakkan. Faedah program *Headcount* kurang dihayati oleh murid-murid kerana kesedaran tentang kepentingan sasaran untuk mereka masih lemah.. Diharapkan dengan hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan dan sumber penyelidikan kepada pihak-pihak yang berminat.

## RUJUKAN

- Abd.Rahim Abd.Rashid, Sufean Hussin dan Jamaludin Tubah. (2006). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur:Utusan Publications.
- Andy Field. (2005). *Discovering Statistics Using SPSS*. London:SAGE Publications
- Annuar Ayub. (1999). *Pembelajaran Berkesan di Sekolah: bagaimana menyepadukan pembelajaran dan kepimpinan untuk menghasilkan sekolah yang berjaya*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Taylor,C. dan Ryan,C. (2005). *Excellence in Education:The Making of Great Schools*. London:David Fulton Publishers.
- Ismail Yusof . (2005). *Modul Komprehensif Kursus Induksi Sistem Saraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Udesa Enterprise Sri Rampai.
- Dean,J. (1995). *Managing The Primary School*. London: Routledge.
- Louis,K.S. (2006). *Organizing For School Change*. New York:Routledge
- Thrupp,M. dan Willmott,R. (2003). *Education Management In Management Times*. Maidenland:Open University Press.
- Mohamed Nor Che’Noh (1990). *Asas-asas Pendidikan Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur:Flo Enterprise Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Konteng. (1994).*Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka

- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai:Penerbit UTM.
- Mok Soon Sang. (2003). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI*. Selangor:Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Gronlund,N.E. (2006). *Assessment of Student Achievement*. Boston:Pearson Education,Inc.
- Broadfoot,P. (1986). *Profiles and Records of Achievement*. Great Britain: Cassell.
- Weeden,P. , Winter,J. and Broadfoot,P. (2002). *Assessment What's in it for schools?* New York: Routledge Falmer
- Sharifah Md. Nor.(2003). *Keberkesanan Sekolah: Satu Perspektif Sosiologi*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Shahabuddin Hashim, Dr.Rohizani Yaakub dan Mohd.Zahir Ahmad. (2003). *Pedagogi Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Pahang: PIS Publications & Distributor Sdn.Bhd.
- Tengku Azuan Bt Tengku Mohamed. (2006). *Headcount Satu Pengkongsian Pengalaman. Seminar Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Ke-2*. 27-30 November 2006. Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara.
- Wagner,T. dan Kegan,R. (2006). *Change Leadership:A Practical Guide To Transforming Our School*. San Francisco:Jossey-Bass.
- Vialle,W. ,Lysaght,P. dan Verenikina,I. (2005). *Psychology for Educator*.Victoria: Thomson.

